Prospek dan Dasar pada Tahun 2017

81 Prospek Ekonomi Antarabangsa
82 Ekonomi Malaysia
86 Sektor Luaran
87 Prospek Inflasi
88 Dasar Monetari
89 Dasar Fiskal
92 *Rencana: Pembaharuan Struktur Ekonomi di ASEAN-5: Kejayaan Masa Lalu dan Cabaran Akan Datang*
99 *Rencana: Pencerahan Terhadap Isu Rumah Mampu Milik di Malaysia*
109 *Rencana: Pengangguran Belia di Malaysia: Perkembangan dan Pertimbangan Dasar*

Prospek dan Dasar pada Tahun 2017

PROSPEK EKONOMI ANTARABANGSA

Aktiviti ekonomi global diramalkan berkembang pada kadar yang lebih cepat pada tahun 2017, disokong oleh pertumbuhan permintaan dalam negeri di beberapa ekonomi maju dan ekonomi sedang pesat membangun, serta jangkaan bahawa aktiviti perdagangan di rantau sedang pesat membangun akan pulih. Prospek ini disokong oleh rancangan pengembangan fiskal di beberapa ekonomi utama tertentu dan pemulihan harga komoditi. Walaupun terdapat tanda-tanda positif, prospek ekonomi global secara keseluruhan belum lagi kukuh memandangkan prospek ini boleh terjejas oleh kejutan buruk.

Ekonomi dunia dijangka bertambah baik pada tahun 2017 walaupun wujud risiko sedia ada dan baharu

Permintaan dalam negeri bagi ekonomi maju dan ekonomi sedang pesat membangun dijangka menerima rangsangan daripada rancangan pengembangan fiskal beberapa ekonomi utama, iaitu Amerika Syarikat (AS), United Kingdom (UK) dan Republik Rakyat China (RR China). Di AS, pentadbiran baharu negara itu dijangka mengurangkan kadar cukai dan meningkatkan perbelanjaan infrastruktur yang boleh merangsang perdagangan global. Kerajaan UK juga mengumumkan rancangan pengembangannya yang meliputi perbelanjaan yang lebih tinggi untuk infrastruktur dan perumahan, serta penambahan dana untuk inovasi, penyelidikan dan pembangunan. Langkah-langkah dasar sebegini yang menyokong pertumbuhan boleh merangsang semula permintaan daripada ekonomi maju, lantas memberi sokongan kepada permintaan global. Di samping itu, usaha berterusan di RR China untuk mengimbangi semula pertumbuhan ekonominya yang kelihatan seiring dengan penambahbaikan dasar demi mencapai pertumbuhan sederhana secara beransur-ansur.

Selain itu, pemulihan harga komoditi utama seperti arang batu, keluli dan minyak mentah akan memberikan manfaat kepada pengeksport komoditi. Dalam pasaran arang batu dan keluli, RR China telah menyatakan kesediaannya untuk mengurangkan lebihan kapasiti sebagai sebahagian daripada pembaharuan struktur yang sedang dilaksanakan. Anggota Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum (OPEC) pula telah mengurangkan pengeluaran minyak mentah mereka. Langkah ini melibatkan penggunaan inventori secara beransur-ansur dan mengurangkan lebihan minyak mentah dunia.

Walaupun kesan positif daripada dasar pengembangan ekonomi utama akan meningkatkan pertumbuhan, namun wujud risiko sedia ada dan baharu yang akan menyebabkan pertumbuhan lebih perlahan lantas terus mempengaruhi ekonomi global. Pertama, potensi ekonomi maju tidak lagi menyokong kuat globalisasi dan kemungkinan pengenalan dasar perlindungan perdagangan di AS boleh menjejaskan pemulihan perdagangan global yang sangat penting untuk mengekalkan persekitaran ekonomi global yang dinamik. Kedua, ketidakpastian mengenai tempoh serta hasil rundingan UK dan EU boleh menjejaskan sentimen perniagaan, sekali gus memberikan kesan kepada aktiviti perdagangan dan pelaburan antarabangsa. Ketiga, pencapahan (divergence) dasar monetari antara AS dengan ekonomi maju lain akan lebih nyata pada 2017. Jangkaan ini akan mengubah tingkah laku pelabur. Khususnya, perubahan tersebut akan menyebabkan pelarasan yang berlebihan dalam pasaran mata wang dan menjejaskan kestabilan aliran modal. Walaupun kadar faedah dijangka tidak akan meningkat dengan ketara, kerajaan dan syarikat yang mempunyai hutang yang tinggi akan menghadapi kesukaran membayar balik hutang. Hal ini boleh memberikan implikasi susulan terhadap kestabilan kewangan. Akhir sekali, risiko geopolitik berhubung dengan konflik dalam negeri, serangan pengganas dan pertikaian wilayah akan terus berlarutan. Keadaan ini boleh menjejaskan sentimen pasaran kewangan global dan melembapkan aktiviti ekonomi.

EKONOMI MALAYSIA

Prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia yang positif pada tahun 2017 adalah berasaskan jangkaan bahawa ekonomi global akan bertambah baik dan pertumbuhan permintaan dalam negeri akan berterusan. Ekonomi Malaysia dijangka berkembang 4.3% - 4.8% pada tahun 2017 (2016: 4.2%).

Ekonomi Malaysia dijangka berkembang 4.3% - 4.8% pada tahun 2017

Pertumbuhan global yang bertambah baik dijangka memberi kesan limpahan positif kepada ekonomi dalam negeri melalui saluran perdagangan, pelaburan dan pendapatan. Prestasi eksport Malaysia akan mendapat manfaat daripada pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi dalam kalangan rakan perdagangan utama negara dan juga daripada pemulihan harga komoditi. Di dalam negeri, aktiviti pelaburan akan disokong oleh perbelanjaan modal dalam industri berorientasikan eksport, terutamanya sektor perkilangan. Faktor ini, bersama-sama dengan pelaksanaan projek infrastruktur berskala besar yang berterusan, akan menyokong aktiviti pelaburan pada masa hadapan. Sementara itu, penggunaan swasta dijangka terus mampan disebabkan oleh pertumbuhan upah yang berterusan dan langkah-langkah sokongan pertumbuhan oleh Kerajaan baru-baru ini. Bagi sektor awam, Kerajaan akan terus komited terhadap konsolidasi fiskal, yang akan dicapai melalui penyusunan semula perbelanjaan awam mengikut keutamaan dan pengurangan perbelanjaan untuk barangan yang tidak kritikal. Sektor awam dijangka terus memberikan sumbangan positif kepada pertumbuhan melalui pelaburan awam yang berterusan dalam sektor tertentu.

Perubahan serentak mengenai pendirian dasar dijangka berlaku dalam landskap global. Perubahan ini timbul berikutan pentadbiran AS yang baharu dan perubahan dasar selepas referendum EU di UK. Dalam persekitaran ini, terdapat pelbagai akibat, dengan implikasi yang berbeza-beza kepada ekonomi Malaysia. Khususnya, pendirian tentang perlindungan perdagangan dalam ekonomi utama akan memberi kesan dan melembapkan prestasi perdagangan global. Kemungkinan terdapat perbezaan dasar monetari antara Amerika Syarikat dengan ekonomi utama lain yang boleh membawa kepada keadaan pasaran kewangan yang lebih ketat dan tidak menentu, dengan turun naik yang ketara dalam aliran modal dan kadar pertukaran. Risiko luaran sedemikian, jika menjadi kenyataan, boleh menjejaskan ekonomi dan sistem kewangan Malaysia dengan nyata dan seterusnya memberikan kesan negatif kepada sentimen dan keadaan pasaran pekerja. Di samping itu, rintangan sedia ada dalam negeri yang terus dihadapi seperti kos sara hidup yang lebih tinggi dan sentimen yang lemah juga boleh menjadikan pertumbuhan permintaan dalam negeri lebih sederhana.

Malaysia berada pada kedudukan yang kukuh untuk berhadapan dengan semua cabaran ini. Kekuatan ekonomi Malaysia adalah hasil daripada struktur ekonomi yang pelbagai, kedudukan luaran yang kukuh dan dasar yang fleksibel. Pengantaraan kewangan akan terus menyokong pertumbuhan, dibantu oleh kedudukan kewangan institusi perbankan yang kukuh dan pasaran kewangan yang maju. Bagi menghadapi persekitaran global yang mencabar pada masa hadapan, tumpuan yang berterusan diperlukan untuk meningkatkan daya tahan ekonomi negara serta mempelbagaikan sumber pertumbuhan. Usaha sedang dipergiat untuk membina semula ruang dasar, mengatasi potensi kelemahan secara proaktif dan meningkatkan potensi bidang pertumbuhan baharu. Pembaharuan struktur dan langkah-langkah dasar awalan akan terus menyokong prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia pada masa hadapan.

Permintaan dalam negeri terus menjadi pemacu utama pertumbuhan

Ekonomi Malaysia dijangka berkembang 4.3% - 4.8% pada tahun 2017. Permintaan dalam negeri akan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan, disokong terutamanya oleh aktiviti sektor swasta. Berikutan komitmen Kerajaan terhadap konsolidasi fiskal, sumbangan sektor awam kepada pertumbuhan pada masa hadapan dijangka kekal sederhana. Walau bagaimanapun, perbelanjaan sektor awam akan terus menyokong pertumbuhan. Dari sudut luaran, pertumbuhan eksport dijangka pulih secara beransur-ansur sejajar dengan pertumbuhan global yang bertambah baik.

Penggunaan swasta dijangka berkembang 6.0% pada tahun 2017. Walaupun isi rumah akan terus menyelaraskan perbelanjaan mereka sebagai tindak balas kepada tekanan inflasi yang meningkat, perbelanjaan penggunaan dijangka berterusan, disokong oleh pasaran pekerja yang stabil dan upah yang terus meningkat. Pelaksanaan langkah-langkah tertentu oleh Kerajaan juga dijangka meningkatkan pendapatan boleh guna isi rumah. Langkah-langkah ini termasuk kenaikan amaun pindahan tunai Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M),

pengurangan caruman bahagian pekerja kepada KWSP sebanyak 3 mata peratusan sehingga bulan Disember 2017, serta bantuan khas kepada semua penjawat awam (RM500) dan pesara (RM250). Harga komoditi yang lebih tinggi juga dijangka meningkatkan pendapatan, khususnya isi rumah di luar bandar.

Dalam persekitaran pertumbuhan yang sederhana dan sentimen perniagaan yang berhati-hati, keadaan pasaran pekerja dijangka kekal lembap pada tahun 2017. Walaupun guna tenaga dijangka terus bertambah, pertumbuhan pekerjaan tidak akan berupaya untuk menyerap kemasukan baharu tenaga kerja, lantas menyebabkan kadar pengangguran meningkat (3.6% - 3.8%; 2016: 3.5%). Walau bagaimanapun, permintaan dalam negeri dan sektor luaran yang bertambah baik secara beransur-ansur akan menyokong pasaran pekerja manakala upah dijangka terus meningkat pada kadar yang sederhana. Kajian tahunan oleh Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) melaporkan bahawa majikan menjangkakan purata kenaikan gaji sekitar 5.4% pada tahun 2017 (2016: 5.5%). Pertumbuhan upah akan disokong oleh sektor perkilangan yang berorientasikan eksport, manakala upah dalam sektor perkhidmatan berorientasikan dalam negeri dijangka meningkat dengan sederhana.

Jadual 1

KDNK Benar Mengikut Perbelanjaan (2010=100)

	2016*a*	2017*r*	2016*a*	2017*r*
	Perubahan tahunan (%)		Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)	
Permintaan Dalam Negeri[1]	**4.4**	**4.4**	**4.0**	**4.0**
Perbelanjaan sektor swasta	5.7	5.6	3.9	3.9
Penggunaan	*6.1*	*6.0*	*3.2*	*3.2*
Pelaburan	*4.4*	*4.1*	*0.7*	*0.7*
Perbelanjaan sektor awam	0.4	0.5	0.1	0.1
Penggunaan	*1.0*	*-0.2*	*0.1*	*0.0*
Pelaburan	*-0.5*	*1.5*	*0.0*	*0.1*
Perubahan dalam stok			**0.4**	**0.1**
Eksport Bersih Barangan dan Perkhidmatan	**-1.8**	**5.3**	**-0.2**	**0.4**
Eksport	0.1	2.2	0.1	1.5
Import	0.4	1.8	0.2	1.1
Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Benar	**4.2**	**4.3 ~ 4.8**	**4.2**	**4.3 ~ 4.8**

[1] Tidak termasuk stok
a Awalan
r Ramalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Pelaburan swasta dijangka mencatat pertumbuhan sederhana 4.1% pada tahun 2017 kerana firma-firma akan terus berhati-hati dalam persekitaran ekonomi yang terus tidak menentu. Namun, pelaburan swasta akan terus disokong oleh projek yang sedang dilaksanakan dan projek baharu, khususnya dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan. Dalam sektor perkhidmatan, aktiviti pelaburan akan disokong terutamanya oleh pengembangan kapasiti yang berterusan dalam industri berorientasikan dalam negeri, khususnya subsektor telekomunikasi dan harta tanah. Pelaburan dalam kemudahan penyimpanan (storage facilities) juga akan menyumbang kepada pertumbuhan pelaburan sektor perkhidmatan. Seiring dengan pertumbuhan global yang beransur-ansur pulih, pelaburan dalam sektor perkilangan akan didorong terutamanya oleh industri berorientasikan eksport, khususnya subsektor E&E dan subsektor berasaskan sumber. Secara khusus, perbelanjaan modal dalam E&E akan disokong oleh pengeluaran produk dalam segmen nilai ditambah yang lebih tinggi. Pelaburan dalam sektor perlombongan dijangka mencatat penguncupan yang lebih kecil pada tahun 2017 berikutan pemulihan harga minyak mentah dunia.

Pertumbuhan penggunaan awam dijangka menguncup sedikit iaitu sebanyak 0.2% pada tahun 2017. Penguncupan ini berkait rapat dengan tindakan Kerajaan yang akan terus menyusun semula keutamaan perbelanjaan dan mengurangkan perbelanjaan yang tidak kritikal. Perbelanjaan yang lebih berhemat untuk bekalan dan perkhidmatan dijangka menjejaskan pertumbuhan keseluruhan walaupun emolumen akan terus berkembang.

Pelaburan awam dijangka berkembang 1.5%, didorong oleh perbelanjaan modal yang lebih tinggi oleh Kerajaan dan syarikat-syarikat awam. Pengembangan ini mencerminkan pelaksanaan berterusan projek infrastruktur utama dalam pelbagai sektor, termasuk subsektor utiliti dan pengangkutan serta sektor minyak dan gas hiliran.

Pertumbuhan di Semua Sektor Ekonomi

Kesemua sektor ekonomi dijangka mencatat pertumbuhan positif pada tahun 2017. Sektor perkhidmatan dan perkilangan akan menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan keseluruhan manakala sektor pembinaan akan berkembang pada kadar yang lebih cepat. Pertumbuhan sektor pertanian dijangka meningkat semula berikutan pemulihan kadar hasil pertanian yang sebelum ini terjejas akibat fenomena El Niño. Pertumbuhan sektor perlombongan dijangka kekal stabil disebabkan peningkatan pengeluaran gas asli dan permulaan operasi medan minyak baharu Malikai, yang mengimbangi pengurangan bekalan minyak mentah oleh PETRONAS pada separuh pertama tahun 2017. Pelarasan ini adalah sebahagian daripada perjanjian global yang dicapai pada akhir tahun 2016, yang melibatkan OPEC dan beberapa negara bukan OPEC, termasuk Malaysia, yang bertujuan mengurangkan paras inventori dan meningkatkan harga minyak mentah.

Jadual 1

KDNK Benar Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi (2010=100)

	2016*a*	**2016*a***	**2017*r***	**2016*a***	**2017*r***
	% daripada KDNK[1]	Perubahan tahunan (%)		Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratus)[1]	
Perkhidmatan	54.2	5.6	4.9	3.0	2.6
Perkilangan	23.0	4.4	4.3	1.0	1.0
Perlombongan dan pengkuarian	8.8	2.7	2.7	0.2	0.2
Pertanian	8.1	-5.1	4.0	-0.5	0.3
Pembinaan	4.5	7.4	8.0	0.3	0.4
Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Benar	**100.0[1]**	**4.2**	**4.3 ~ 4.8**	**4.2[1]**	**4.3 ~ 4.8**

[1] Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import
a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Sektor perkhidmatan diramalkan terus berkembang tetapi pada kadar yang lebih sederhana. Khususnya, prestasi perkhidmatan berkaitan penggunaan seperti *perdagangan runcit, makanan dan minuman serta penginapan* akan disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang stabil serta peningkatan upah yang berterusan. Subsektor *pengangkutan dan penyimpanan* akan mendapat manfaat daripada kenaikan trafik penumpang udara, permulaan khidmat Transit Laju Massa (Mass Rapid Transit, MRT) dan peningkatan aktiviti perdagangan. Dalam subsektor *maklumat dan komunikasi*, pertumbuhan akan disokong oleh permintaan yang kukuh untuk perkhidmatan Internet dan digital. Walau bagaimanapun, pertumbuhan dalam subsektor *kewangan dan insurans* dijangka sederhana seiring dengan pertumbuhan pinjaman yang perlahan.

Sektor perkilangan dijangka mencatat pertumbuhan yang mampan. Pertumbuhan akan didorong terutamanya oleh industri berorientasikan eksport, terutamanya dalam segmen elektronik seiring dengan pemulihan permintaan global terhadap separa konduktor. Permintaan serantau yang mampan terhadap keluaran berkaitan bahan kimia akan terus menyokong kelompok keluaran berkaitan sumber walaupun terdapat pengurangan aktiviti penapisan minyak mentah. Di dalam negeri, pertumbuhan akan disokong oleh perbelanjaan pengguna yang teguh untuk keluaran makanan dan pertumbuhan yang kukuh dalam kelompok berkaitan keluaran pembinaan. Permintaan untuk kenderaan bermotor pula dijangka kekal lemah.

Pertumbuhan sektor pembinaan dijangka lebih cepat pada tahun 2017, didorong terutamanya oleh projek kejuruteraan awam baharu dan sedia ada dalam segmen utiliti, pengangkutan dan petrokimia.

Dalam sektor komoditi, pengeluaran pertanian dijangka meningkat semula disebabkan oleh pemulihan kadar hasil minyak sawit mentah selepas mengalami kesan buruk akibat fenomena El Niño. Pertumbuhan sektor perlombongan diramalkan berterusan, disokong terutamanya oleh pengeluaran gas asli yang lebih cepat daripada kemudahan LNG Train 9 dan PETRONAS FLNG Satu, serta pengeluaran daripada medan minyak baharu Malikai. Namun, pelarasan bekalan minyak mentah secara sukarela sebanyak 20,000 tong sehari oleh PETRONAS dijangka melembapkan prestasi sektor perlombongan pada separuh pertama tahun 2017.


Keluaran Potensi dan Jurang Keluaran Ekonomi Malaysia

Keluaran potensi ialah paras keluaran yang boleh dihasilkan oleh sesebuah ekonomi secara mampan dengan sumber sedia ada, yang merangkumi modal, pekerja dan teknologi, tanpa memberikan tekanan yang berlebihan terhadap harga. Perbezaan antara keluaran sebenar dengan keluaran potensi, yang juga dikenali sebagai jurang keluaran, menunjukkan kedudukan ekonomi dalam kitaran perniagaan. Keadaan ini menunjukkan kemungkinan wujudnya tekanan inflasi jika jurang keluaran positif, ataupun tekanan disinflasi jika jurang keluaran adalah negatif. Sebagai contoh, jurang keluaran positif yang lebih besar biasanya dikaitkan dengan kadar guna tenaga dan upah yang lebih tinggi, seterusnya menyebabkan tekanan inflasi meningkat. Oleh yang demikian, paras keluaran potensi dan jurang keluaran ini dipantau dengan teliti oleh Bank Negara Malaysia kerana kaitannya dengan matlamat utama untuk menggalakkan "kestabilan monetari dan kestabilan kewangan yang kondusif untuk pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan"[1].

Pada tahun 2016, keluaran potensi[2] Malaysia dianggarkan telah berkembang sebanyak 4.8%, iaitu sederhana sedikit berbanding dengan 5.0% pada tahun 2015 (pertumbuhan purata keluaran potensi 2010 - 2014: 4.9%). Trend ini disebabkan terutamanya oleh keadaan tenaga kerja yang berkembang dengan lebih perlahan, yang sebahagiannya diimbangi oleh peningkatan produktiviti yang mampan dan pertumbuhan stok modal. Pada tahun 2016, paras keluaran sebenar adalah hampir dengan paras keluaran potensi, seperti yang dicerminkan oleh jurang keluaran yang sangat kecil (2015: 0.5%). Jurang keluaran yang semakin mengecil ini mencerminkan pertumbuhan keluaran sebenar yang sederhana (2016: 4.2%; 2015: 5.0%). Sesungguhnya, pertumbuhan keluaran sebenar dan keluaran potensi yang sederhana sebahagiannya mencerminkan persekitaran luaran yang mencabar, berikutan pertumbuhan global yang sederhana dan episod turun naik pasaran kewangan yang ketara sepanjang tahun 2016.

Rajah 1

Keluaran Sebenar dan Potensi



Tahun	Pertumbuhan Tahunan Keluaran Potensi (%)
2015	5.0
2016*a*	4.8
2017*r*	4.5~5.0

a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Walaupun dalam keadaan harga komoditi yang rendah dan sentimen perniagaan yang lemah, jumlah aktiviti pelaburan terus berkembang pada tahun 2016. Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan modal yang berterusan oleh sektor swasta. Keadaan pasaran pekerja di Malaysia lebih perlahan pada tahun 2016. Walaupun pemberhentian pekerja terhad kepada industri tertentu, peluang pekerjaan secara agregat tidak mencukupi untuk menyerap sepenuhnya penyertaan tenaga kerja yang baharu. Keadaan ini mengakibatkan kadar pengangguran meningkat kepada 3.5% pada tahun 2016 (2015: 3.1%; purata 2010 - 2014: 3.1%).

Jurang keluaran yang sangat kecil pada tahun 2016 menandakan bahawa ekonomi tidak mengalami tekanan harga yang ketara dan situasi ini selaras dengan kadar inflasi yang stabil pada 2.1% yang dicatat pada tahun itu.

Melangkah ke hadapan, keluaran sebenar ekonomi Malaysia diunjurkan kekal hampir kepada paras potensi. Jurang keluaran yang kecil menunjukkan bahawa tekanan ke atas harga daripada permintaan dijangka kekal sederhana. Pertumbuhan keluaran potensi dijangka didorong oleh peningkatan tenaga kerja dan pertumbuhan berterusan dalam pelaburan swasta dan awam, yang seterusnya menyebabkan pengembangan stok modal. Usaha meningkatkan produktiviti adalah penting bagi pertumbuhan keluaran potensi yang lebih tinggi dan memastikan pertumbuhan itu terus mampan.

[1] Akta Bank Negara Malaysia 2009
[2] Keluaran potensi dianggarkan menggunakan kaedah fungsi pengeluaran

SEKTOR LUARAN

Sektor luaran Malaysia dijangka kekal berdaya tahan walaupun persekitaran global terus tidak menentu. Secara keseluruhan, eksport barangan dan perkhidmatan bersih dijangka dapat menyokong pertumbuhan KDNK benar pada tahun 2017 berikutan pemulihan eksport secara beransur-ansur. Akaun semasa dijangka mencatat lebihan 1% - 2% daripada Pendapatan Negara Kasar (PNK) pada tahun 2017. Eksport dan import dijangka terus kukuh pada tahun 2017, disokong oleh unjuran pertumbuhan global dan harga komoditi yang bertambah baik, serta permintaan dalam negeri yang mampan. Memandangkan permintaan dalam negeri yang kukuh, pertumbuhan import dijangka terus mengatasi pertumbuhan eksport. Hal ini akan mengurangkan lebihan perdagangan. Sebagai komponen terbesar dalam akaun semasa, perkembangan dalam sektor perdagangan akan jelas mempengaruhi kedudukan akaun semasa. Prospek bagi perdagangan dan akaun semasa akan ditentukan oleh tiga faktor utama, iaitu keadaan permintaan global, harga komoditi dan kekukuhan permintaan dalam negeri[1].

Akaun semasa imbangan pembayaran akan terus mencatat lebihan pada tahun 2017

Jadual 4.1

Perdagangan Luar Negeri

	2016*a*	2017*r*
	Perubahan tahunan (%)	
Eksport kasar	**1.1**	**5.5**
antaranya:		
Perkilangan	3.2	3.7
Pertanian	4.7	8.9
Mineral	-19.8	21.1
Import kasar	**1.9**	**6.4**
antaranya:		
Barangan modal	4.9	7.9
Barangan pengantara	-0.1	5.4
Barangan penggunaan	7.3	9.9
Imbangan perdagangan (RM bilion)	**87.3**	**86.4**

a Awalan
r Ramalan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

[1] Untuk penjelasan lanjut, rujuk Rencana dalam Bab 1 Laporan Tahunan ini bertajuk 'Memahami Dinamik Perubahan dalam Akaun Semasa Imbangan Pembayaran'.

Permintaan global meningkat secara beransur-ansur

Ekonomi dunia diramalkan bertambah baik pada tahun 2017, disokong oleh perkembangan permintaan dalam negeri di negara maju dan negara sedang pesat membangun. Sebagai ekonomi yang sangat terbuka dengan produk dan pasaran eksport yang pelbagai, Malaysia akan meraih manfaat daripada prospek pertumbuhan global yang lebih baik. Eksport kasar dijangka meningkat 5.5% pada tahun 2017 (2016: 1.1%), manakala import kasar dijangka naik 6.4% (2016: 1.9%).

Eksport barangan perkilangan dijangka lebih kukuh, disokong oleh pertumbuhan menyeluruh dalam eksport E&E dan bukan E&E. Eksport E&E akan didorong oleh pemulihan permintaan terhadap separa konduktor pada tahun 2017, terutamanya dalam segmen baharu seperti pasaran automotif, perindustrian dan penyimpanan di samping permintaan yang stabil untuk peranti tradisional seperti telefon pintar. Eksport bukan E&E akan terus berkembang, disokong oleh permintaan terhadap keluaran berasaskan sumber seperti oleokimia dan petrokimia dari rantau ini. Seiring dengan kenaikan eksport perkilangan, import barangan pengantara, yang merupakan bahagian yang terbesar daripada import Malaysia, dijangka terus meningkat.

Walaupun pertumbuhan global bertambah baik, masih terdapat risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan. Unjuran peningkatan eksport mungkin terjejas jika prestasi pertumbuhan rakan perdagangan utama Malaysia menjadi lebih lemah daripada jangkaan. Selain itu, pendirian dasar ekonomi maju utama

Jadual 4.2

Akaun Semasa dalam Imbangan Pembayaran[1]

Butiran (Bersih)	2016*a*	2017*r*
	RM bilion	
Barangan	101.2	98.4
Perkhidmatan	-22.6	-24.0
Pendapatan primer	-34.7	-36.3
Pendapatan sekunder	-18.7	-20.7
Imbangan akaun semasa	**25.2**	**17.4**
% daripada PNK	*2.1*	*1~2*

[1] Data disusun mengikut Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa Edisi Keenam (BPM6) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)
a Awalan
r Ramalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

yang lebih menitikberatkan ekonomi domestik serta ketidakpastian keadaan politik dan dasar, boleh mengakibatkan kesan limpahan terhadap pertumbuhan dan perdagangan global.

Harga komoditi lebih tinggi

Harga komoditi pulih dengan stabil daripada paras rendah yang dicatat pada awal tahun 2016. Harga minyak mentah meningkat berikutan perjanjian oleh negara anggota OPEC dan beberapa pengeluar bukan OPEC lain, termasuk Malaysia, untuk mengehadkan bekalan. Selaras dengan perjanjian untuk mengurangkan pengeluaran, eksport minyak mentah Malaysia juga dijangka menurun dari segi jumlah, terutamanya pada separuh pertama tahun 2017. Hal ini dijangka berlaku meskipun terdapat tambahan pengeluaran daripada medan minyak baharu Malikai. Walau bagaimanapun, eksport kasar minyak mentah dijangka meningkat memandangkan kenaikan harga minyak mentah dijangka lebih daripada mengimbangi pertumbuhan lebih perlahan dalam jumlah yang dieksport. Eksport gas asli cecair (LNG) dijangka pulih untuk mencatat pertumbuhan positif disebabkan oleh pengeluaran yang lebih cepat daripada kapal gas terapung baharu. Eksport minyak sawit mentah (MSM) juga dijangka meningkat berikutan kenaikan harga dan jumlah pengeluaran MSM, mencerminkan pemulihan daripada kesan cuaca buruk akibat El Niño.

Permintaan dalam negeri berterusan

Import modal dijangka meningkat lebih kukuh, mencerminkan aktiviti pelaburan dalam negeri yang berterusan, terutamanya dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Kenaikan harga minyak mentah juga akan menyebabkan peningkatan import barangan pengantara seperti bahan api dan pelincir. Import barangan penggunaan juga dijangka meningkat disebabkan terutamanya oleh peningkatan import makanan dan minuman.

Defisit akaun perkhidmatan diramalkan lebih besar, selaras dengan aktiviti perdagangan yang meningkat dan aktiviti pelaburan yang bertambah baik. Import perkhidmatan akan terus disokong oleh import perkhidmatan pengangkutan dan perkhidmatan lain, termasuk perkhidmatan perniagaan dan profesional. Eksport perkhidmatan juga dijangka bertambah baik, disokong oleh lebihan akaun perjalanan yang lebih tinggi berikutan jangkaan ketibaan dan perbelanjaan pelancong yang meningkat. Pertambahan liputan negara yang melayakkan pelancong dari RR China dan India untuk memohon e-Visa, serta usaha promosi besar-besaran yang menyasarkan industri pelancongan khusus seperti pelancongan perubatan dan sukan, dijangka menarik lebih ramai pelancong ke Malaysia.

Dalam akaun pendapatan, keuntungan daripada syarikat-syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri dijangka bertambah baik, kebanyakannya hasil daripada pendapatan syarikat-syarikat minyak dan gas yang lebih tinggi, yang menyumbang lebih satu pertiga kepada pendapatan pelaburan Malaysia di luar negeri. Walau bagaimanapun, kenaikan ini mungkin diimbangi sebahagiannya oleh peningkatan keuntungan pelabur langsung asing yang lebih tinggi di Malaysia. Pendapatan pelaburan syarikat-syarikat multinasional yang beroperasi di Malaysia dijangka meningkat disebabkan oleh pertumbuhan yang berterusan dalam eksport perkilangan. Semua faktor ini akan menyebabkan defisit dalam akaun pendapatan primer lebih tinggi pada tahun 2017. Akaun pendapatan sekunder dijangka terus berada dalam defisit, disebabkan terutamanya oleh peningkatan pengiriman wang ke luar negeri yang lebih daripada mengimbangi jangkaan pengiriman wang yang lebih tinggi dari luar negara ke Malaysia.

PROSPEK INFLASI

Inflasi lebih tinggi didorong terutamanya oleh faktor kos, dan dijangka tidak akan mengubah dengan ketara prospek inflasi jangka sederhana

Inflasi keseluruhan diunjurkan meningkat pada tahun 2017, kepada purata antara 3.0% - 4.0% (2016: 2.1%), mencerminkan terutamanya kesan pindahan kenaikan harga minyak global ke atas harga runcit bahan api dalam negeri. Walau bagaimanapun, inflasi yang didorong oleh faktor kos ini dijangka tidak menyebabkan kesan limpahan yang besar kepada trend harga yang lebih meluas, memandangkan keadaan permintaan dalam negeri adalah stabil. Oleh itu, inflasi asas dijangka hanya meningkat dengan sederhana.

Harga minyak dunia dijangka meningkat pada tahun 2017 berikutan keputusan negara anggota OPEC dan juga beberapa negara pengeluar minyak yang lain, untuk mengurangkan pengeluaran minyak

mentah mereka bagi mengurangkan lebihan bekalan minyak global[2]. Harga minyak dunia yang lebih tinggi bersama-sama dengan susut nilai dalam kadar pertukaran ringgit, akan menyebabkan kenaikan dalam harga runcit bahan api dalam negeri. Pada suku pertama 2017, harga pam petrol RON95 meningkat kepada purata RM2.23 seliter, nyata lebih tinggi daripada harga purata RM1.76 seliter pada tahun 2016. Kenaikan harga bahan api daripada asas yang rendah, bersama-sama dengan bahagian perbelanjaan yang besar untuk bahan api dalam bakul penggunaan isi rumah Malaysia, akan memberikan kesan yang nyata terhadap inflasi keseluruhan pada tahun 2017.

Selain faktor minyak, faktor kos global yang lain juga dijangka memberikan sedikit tekanan menaik kepada inflasi dalam negeri. Walaupun harga makanan dunia dijangka kekal rendah[3] berikutan keadaan cuaca dan bekalan yang bertambah baik, prospek harga komoditi keseluruhan diunjurkan meningkat dengan sederhana pada tahun 2017, disokong oleh harga keluaran pertanian dan produk berasaskan logam yang lebih tinggi. Kadar inflasi rakan perdagangan utama Malaysia juga dijangka meningkat sedikit. Walau bagaimanapun, kesan pindahan daripada faktor harga luaran ini kepada harga dalam negeri akan sedikit sebanyak dikurangkan kerana pengeluaran dan penggunaan dalam negeri yang mempunyai kandungan import yang agak kecil. Kesan limpahan kepada harga dalam negeri juga dijangka sedikit, terutamanya kerana permintaan dalam negeri diunjurkan kekal stabil. Memandangkan keadaan permintaan dalam negeri adalah stabil, kesanggupan dan keupayaan firma untuk memindahkan kenaikan kos kepada pengguna dijangka agak terhad. Sumber tekanan inflasi dalam negeri juga dijangka dapat dibendung. Oleh itu, inflasi asas dijangka hanya meningkat dengan sederhana pada tahun 2017.

Prospek inflasi, bagaimanapun, tertakluk pada tiga risiko utama. Pertama, inflasi keseluruhan mungkin mencatat purata lebih tinggi sekiranya harga minyak dunia meningkat melebihi jangkaan. Trajektori yang dijangkakan bagi inflasi keseluruhan dalam negeri akan bergantung pada trend harga minyak dunia yang sangat tidak menentu. Kedua, susut nilai dalam kadar pertukaran ringgit juga boleh menimbulkan kesan pindahan yang lebih besar terhadap harga dalam negeri lantas menyebabkan kadar inflasi keseluruhan menjadi lebih tinggi daripada unjuran awal. Faktor ketiga ialah kekukuhan pertumbuhan dalam negeri dan juga ekonomi rakan perdagangan utama Malaysia, yang boleh mewujudkan tekanan menaik atau menurun terhadap inflasi dalam negeri.

DASAR MONETARI

Dasar monetari pada tahun 2017 akan tertumpu pada usaha menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan selain mengekalkan kestabilan harga

Dasar monetari pada tahun 2017 akan terus memastikan pendirian dasar monetari konsisten dengan usaha mengekalkan ekonomi pada landasan pertumbuhan yang mantap dalam keadaan harga yang stabil. Persekitaran dasar dijangka kekal mencabar. Pertumbuhan dijangka meningkat disebabkan oleh prestasi sektor luaran yang lebih baik. Namun, ekonomi akan berhadapan dengan cabaran inflasi yang lebih tinggi, aliran modal yang tidak menentu dan kekangan yang berlarutan dalam persekitaran ekonomi dan kewangan global.

Ekonomi global dijangka bertambah baik secara beransur-ansur pada tahun 2017. Namun, ekonomi global akan terus berdepan dengan risiko pertumbuhan perlahan yang ketara. Pertumbuhan global akan terus terdedah kepada kejutan teruk dalam perdagangan antarabangsa, akibat kesan negatif daripada perlindungan perdagangan, perkembangan geopolitik dan perkembangan lain yang tidak menggalakkan dalam ekonomi-ekonomi utama. Tambah memburukkan ialah peralihan yang dijangkakan dalam mudah tunai dan aliran modal global akan memberikan kesan limpahan terhadap pasaran kewangan domestik dan kadar pertukaran ringgit. Inilah implikasi yang bakal berlaku apabila dasar monetari dikembalikan ke paras yang wajar di AS. Kesan perkembangan ini terhadap imbangan risiko bagi prospek pertumbuhan dan inflasi dalam negeri akan dinilai dengan saksama pada tahun 2017.

Ekonomi Malaysia diunjurkan berkembang pada kadar sederhana 4.3% - 4.8% pada tahun 2017 setelah mengambil kira ketidakpastian dalam persekitaran

[2] IMF mengunjurkan harga minyak dunia pada purata USD55 setong pada tahun 2017 dalam Unjuran Harga Komoditi Utama IMF pada bulan Januari 2017. Ini merupakan harga purata bagi minyak mentah Dated Brent, West Texas Intermediate (WTI) dan Dubai Fateh, dengan wajaran yang sama.

[3] Berdasarkan laporan Prospek Makanan (Food Outlook) Food and Agriculture Organization of the United Nations (FAO), Oktober 2016.

ekonomi dan kewangan global. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh permintaan dalam negeri daripada sektor swasta. Perkembangan ekonomi yang dijangka lebih kukuh berbanding dengan tahun 2016 adalah disokong oleh jangkaan bahawa permintaan luaran akan bertambah baik dan harga komoditi akan pulih. Walau bagaimanapun, terdapat rintangan dalam negeri yang boleh mempengaruhi prospek pertumbuhan Malaysia seperti pelarasan berterusan terhadap kos sara hidup yang semakin meningkat dan sentimen ekonomi yang berhati-hati.

Inflasi keseluruhan dijangka berada pada paras purata yang lebih tinggi dalam julat 3.0% – 4.0% pada tahun 2017. Namun, inflasi yang lebih tinggi berbanding dengan tahun lalu ini sebahagian besarnya didorong oleh kos. Walau bagaimanapun, limpahannya ke atas trend harga yang lebih meluas dijangka terus terkawal. Inflasi asas dijangka meningkat sederhana, memandangkan keadaan permintaan dalam negeri adalah stabil. Namun begitu, prospek inflasi tertakluk pada ketidakpastian utama yang menyelubungi harga minyak dunia dan hala tuju kadar pertukaran ringgit serta kesan pindahan terhadap harga dalam negeri.

Ketidakpastian yang berterusan dalam prospek pertumbuhan dan inflasi dalam negeri menimbulkan isu yang besar dalam menilai hala tuju pertumbuhan asas dan inflasi pada masa hadapan. Dalam hal ini, dasar monetari tidak terkecuali. Risiko ketidakseimbangan kewangan terus diambil kira, meskipun sebahagian besar daripada risiko ini boleh dibendung. Operasi monetari Bank beriltizam untuk terus memastikan mudah tunai dalam sistem kewangan domestik adalah mencukupi untuk menyokong pasaran kewangan domestik agar dapat berfungsi dengan teratur, meskipun terdapat jangkaan bahawa ekonomi akan mengalami beberapa tempoh ketidaktentuan aliran modal. Oleh itu, fokus Jawatankuasa Dasar Monetari adalah terhadap usaha untuk memastikan pendirian dasar monetari terus konsisten dengan matlamat pertumbuhan yang mampan dan inflasi yang stabil dengan sokongan pengantaraan kewangan domestik yang kukuh.

DASAR FISKAL


Defisit fiskal terus berkurang

Dasar fiskal pada tahun 2017 akan terus tertumpu pada usaha untuk memperkukuh kedudukan fiskal Kerajaan, di samping memastikan sokongan yang berterusan terhadap pertumbuhan dalam negeri serta menggalakkan ekonomi yang inklusif. Defisit fiskal Kerajaan Persekutuan dijangka terus mengecil kepada 3.0% daripada KDNK pada tahun 2017 (2016: -3.1%), disokong oleh pertumbuhan hasil yang mampan dan peningkatan yang sedikit dalam perbelanjaan mengurus. Usaha memperkukuh kedudukan fiskal akan berterusan meskipun persekitaran ekonomi di dalam dan luar negeri terus mencabar. Ini merupakan komitmen Kerajaan terhadap pembaharuan fiskal dan pada masa yang sama memastikan wujudnya persekitaran yang menyokong pertumbuhan ekonomi.

Susulan daripada langkah pembaharuan fiskal, Kerajaan berjaya mengawal peningkatan dalam perbelanjaan mengurus. Bahagian perbelanjaan mengurus daripada KDNK menurun kepada 16.8% pada tahun 2016 berbanding dengan 18.8% pada tahun 2015. Kadar ini dijangka terus menurun kepada 16.2%, hasil daripada langkah pengurangan perbelanjaan yang tidak kritikal untuk geran dan pindahan kepada badan berkanun, serta rasionalisasi subsidi yang selanjutnya. Kerajaan juga terus mempelbagaikan sumber hasil untuk memastikan daya tahan negara terus kekal dalam keadaan ketidakpastian pasaran komoditi global. Walaupun harga minyak dijangka lebih tinggi, sumbangan hasil yang berkaitan dengan minyak dijangka merosot kepada 13.8% pada tahun 2017 berbanding dengan 14.6% pada tahun 2016. Selain itu, penubuhan unit cukai khas, iaitu Pengaturan Perisikan Kutipan (Collection Intelligence Arrangement, CIA), mencerminkan usaha Kerajaan untuk meningkatkan pematuhan cukai.

Rajah 4.1

Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan




a Awalan
B Bajet

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Rajah 4.2

Hasil Kerajaan Persekutuan




a Awalan

B Bajet

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Rajah 4.3

Imbangan Fiskal dan Hutang Kerajaan Persekutuan



1 Hutang luar negeri terdiri daripada hutang matawang asing (peminjaman luar pesisir) dan pemegangan hutang Kerajaan Persekutuan dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin (Sekuriti Kerajaan Malaysia, Terbitan Pelaburan Kerajaan, Bil-bil Perbendaharaan dan Sukuk Perumahan Kerajaan)

a Awalan
B Bajet

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Dalam Bajet 2017, sumber fiskal telah diberikan keutamaan strategik dengan tumpuan pada projek infrastruktur yang mempunyai impak yang tinggi dan program bina upaya. Ini termasuk infrastruktur awam[4] seperti lebuh raya dan landasan kereta api yang memperluas laluan penghubung antara kawasan bandar dengan kawasan luar bandar. Pembangunan modal insan[5] akan diperkukuh melalui

Jadual 4.3

Kewangan Kerajaan Persekutuan

	RM bilion		Perubahan tahunan (%)	
	2016*a*	2017*B*	2016*a*	2017*B*
Harga minyak	44	45		
Hasil	212.4	219.7	-3.0	3.4
Jumlah perbelanjaan	252.2	260.8	-2.2	3.4
Perbelanjaan mengurus	*210.2*	*214.8*	*-3.1*	*2.2*
Perbelanjaan pembangunan kasar	*42.0*	*46.0*	*3.0*	*9.5*
Terimaan balik pinjaman	1.3	0.7		
Imbangan keseluruhan	**-38.4**	**-40.3**		
% daripada KDNK	**-3.1**	**-3.0**		
Sumber pembiayaan:				
Peminjaman dalam negeri bersih	37.9	-		
Peminjaman luar negeri bersih	0.8	-		
Harta boleh jual[1] dan pelarasan	-0.3	-		

1 Tanda negatif (-) menunjukkan pertambahan dalam aset
a Awalan
B Bajet
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

4 Ini termasuk pelaksanaan projek Landasan Kereta Api Pantai Timur (ECRL), dan mempercepat projek Lebuhraya Pan Borneo.

5 Contohnya, termasuklah penambahbaikan program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (Technical and Vocational Education and Training, TVET) dan pelanjutan Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) untuk 20,000 graduan.

penambahbaikan program peningkatan kemahiran dan latihan industri. Tenaga mahir yang lebih berkualiti bagi memenuhi keperluan industri adalah amat penting untuk mempercepat kemajuan Malaysia bagi mencapai status negara berpendapatan tinggi.

Bajet ini juga selaras dengan usaha untuk memastikan pertumbuhan yang inklusif dan mampan. Melalui program kebajikan yang lebih baik, Kerajaan akan terus memberi tumpuan pada usaha mengekalkan kemampuan segmen berpendapatan rendah dan sederhana untuk menguruskan kos sara hidup yang semakin meningkat. Sokongan sosioekonomi kepada golongan ini disalurkan dalam pelbagai bentuk bantuan[6], termasuk skim perumahan mampu milik dan bantuan fiskal. Langkah-langkah ini juga akan menyokong pertumbuhan penggunaan swasta.

Pada bulan Mei 2016, Jawatankuasa Dasar Fiskal (Fiscal Policy Committee, FPC) memberikan tugasan kepada Jawatankuasa Teknikal Risiko Fiskal dan Liabiliti Luar Jangka yang baru ditubuhkan untuk menilai dan menambah baik langkah-langkah untuk membendung risiko fiskal dan liabiliti luar jangka Kerajaan Persekutuan. Penubuhan jawatankuasa baharu ini dijangka terus memperkukuh kewangan awam di samping memastikan fleksibiliti dan kemampanan fiskal pada masa akan datang.

[6] Skim perumahan mampu milik termasuk *My Beautiful New Home*, Projek Perumahan Rakyat dan Rumah Mesra Rakyat SPNB, manakala bantuan fiskal, antara lain termasuk Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dan program jaring keselamatan sosial seperti bantuan kepada keluarga miskin, warga emas dan golongan kurang upaya.

Pembaharuan Struktur Ekonomi di ASEAN-5: Kejayaan Masa Lalu dan Cabaran Akan Datang

Oleh Gloria Tsan Ern Hui dan Ooi Kiesha

Pengenalan


Krisis Kewangan Asia (Asian Financial Crisis, AFC) yang melanda pada tahun 1997 - 1998 menandakan satu detik perubahan yang penting bagi beberapa ekonomi Asia. Dari sudut ekonomi ASEAN-5[1], pengalaman AFC telah mendedahkan betapa pentingnya pembaharuan yang menyeluruh untuk mengatasi asas-asas kelemahan dan kekangan struktur sesebuah ekonomi (Park et. al., 2013). Pembaharuan struktur ini[2] meliputi pelaksanaan pelbagai dasar untuk menyokong sistem perbankan, menangani limpahan ke dalam ekonomi benar dan memperkukuh dinamisme serta daya tahan ekonomi-ekonomi yang terjejas oleh krisis. Walaupun daya tahan makroekonomi dalam ekonomi serantau mampan selama hampir dua dekad, namun persekitaran ekonomi dan kewangan global semasa, khususnya selepas Krisis Kewangan Global (Global Financial Crisis, GFC), semakin menimbulkan banyak cabaran besar dan risiko pertumbuhan yang lebih perlahan dalam ekonomi ASEAN-5 pada masa hadapan. Tambahan pula, kebangkitan Industri 4.0[3], pembandaran yang pesat serta kesan daripada perubahan keadaan cuaca, menyebabkan perlunya pelaksanaan pembaharuan struktur yang proaktif agar dapat bertindak balas terhadap isu dan trend global. Rencana ini bertujuan menjelaskan kepentingan pembaharuan struktur di Malaysia dan negara-negara jirannya di ASEAN dalam keadaan ini.

Pembaharuan yang kritikal dalam tempoh selepas AFC

AFC mendedahkan kelemahan rantau ASEAN-5 yang banyak dikaitkan dengan kerapuhan kewangan dan ekonomi. Dari segi kewangan, pergantungan yang berlebihan terhadap sektor perbankan, faktor sistem kewangan yang tidak dikawal selia secukupnya dan ketidakpadanan yang ketara antara liabiliti asing dengan aset asing, merupakan kelemahan utama. Krisis ini juga mendedahkan beberapa cabaran struktur seperti peningkatan mendadak pelaburan yang berasaskan hutang, rejim kadar pertukaran yang ketat dan defisit akaun semasa dalam tahun 1990-an. Selepas krisis, ekonomi yang terjejas telah membuat transformasi besar-besaran sebelum kembali pulih dan berkembang pesat melalui pelaksanaan pembaharuan struktur yang berkaitan. Dalam sektor kewangan, langkah-langkah dasar berjaya

Rajah 1

Imbangan Akaun Semasa dan Rizab Antarabangsa di ASEAN-5*



* Merujuk kepada Indonesia, Filipina, Malaysia, Singapura dan Thailand

Sumber: Prospek Ekonomi Dunia (WEO) Oktober 2016 Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Haver, Bloomberg


[1] ASEAN-5 merujuk Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand.
[2] Merujuk dasar yang meningkatkan keupayaan produktif ekonomi dengan menghapuskan halangan kecekapan fungsi pasaran.
[3] Merujuk gabungan beberapa inovasi utama dalam teknologi digital, termasuk peranti pintar (Internet of Things), pengkomputeran awan, digital pasang siap, robotik canggih dan kecerdasan buatan.

mengukuhkan penyeliaan dan pengawalan terhadap sistem perbankan, menghasilkan sumber pembiayaan yang pelbagai dan menambah baik infrastruktur kewangan domestik. Langkah-langkah dalam sektor ekonomi benar pula sebahagian besarnya dijuruskan ke arah usaha menjadikan pengurusan makroekonomi lebih baik, memperkukuh institusi awam dan membina penampan untuk menghadapi kejutan luaran. Hasilnya ekonomi ASEAN-5 hari ini mempunyai sumber pertumbuhan yang pelbagai, sektor kewangan yang maju, kadar pertukaran yang fleksibel dan kedudukan luaran yang lebih baik (Rajah 1).

ASEAN-5 menunjukkan daya tahan yang tinggi pada tahun 2009 semasa GFC. Ini sebahagian besarnya terhasil daripada kekuatan asas-asas ekonomi rantau ini. Walaupun pertumbuhan KDNK dan eksport merosot dengan ketara pada tahun 2009, sistem kewangan rantau ini rata-ratanya tidak terjejas apabila pengantaraan kewangan terus dapat berfungsi dengan teratur. Isi rumah dan syarikat korporat juga melalui tempoh krisis dalam keadaan kedudukan kewangan yang pada amnya lebih kukuh. Yang penting, kadar pertukaran yang lebih fleksibel dan perumusan dasar monetari yang lebih teratur (institutionalised) serta lebih telus membolehkan negara-negara di rantau ini untuk melaksanakan dasar kewangan yang lebih berkesan lantas dapat menampan impak krisis yang buruk. Bank-bank pusat di ASEAN-5 menurunkan kadar dasar utama mereka sebanyak purata 290 mata asas, daripada paras tertinggi kepada paras terendah dalam tempoh tahun 2007 hingga 2009. Selain itu, sokongan fiskal di beberapa ekonomi telah dilaksanakan bersama-sama dengan pakej rangsangan, yang meliputi potongan cukai dan subsidi. Hasilnya, pertumbuhan meningkat semula dengan pantas, daripada 2.6% pada tahun 2009 kepada 8.9% pada tahun 2010.

Rajah 2

KDNK Benar, Kadar Faedah Dasar dan Perbelanjaan Kerajaan Am di ASEAN-5



Sumber: Prospek Ekonomi Dunia (WEO) Oktober 2016 Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Haver

Pembaharuan struktur terus relevan bagi ASEAN-5 dalam tempoh pasca-GFC

Walaupun ekonomi ASEAN-5 berjaya melaksanakan pembaharuan struktur selepas AFC, GFC telah membawa bersama-samanya cabaran baharu kepada rantau ini. Ini lantas memerlukan pembaharuan struktur yang selanjutnya, yang kritikal untuk dilaksanakan dalam tempoh semasa. Cabaran tersebut termasuk, tetapi bukan terhad kepada yang berikut sahaja:

a) Tempoh kelemahan yang berpanjangan dalam perdagangan global

Berlatarkan kelemahan berterusan dalam beberapa ekonomi maju utama, perdagangan global kekal lembap selepas GFC. Yang nyata, pemulihan yang kecil dalam pertumbuhan pelaburan, yang pada amnya mempunyai kandungan import yang lebih tinggi, menyebabkan pertumbuhan perdagangan menjadi lebih perlahan berbanding dengan pertumbuhan KDNK keseluruhan. Selain kelemahan kitaran ini, tekanan struktur yang lain juga menjejaskan aktiviti perdagangan. Ini termasuk kesan daripada rangsangan perdagangan terdahulu yang semakin luput, seperti percambahan rantaian nilai global pada tahun 1990-an dan awal tahun 2000-an, serta transformasi berterusan oleh RR China ke arah model pertumbuhan yang lebih berasaskan penggunaan[4]. Oleh itu, permintaan luaran yang sekian lama menjadi sumber pertumbuhan utama ekonomi serantau sebelum GFC kini menjadi punca momentum pertumbuhan yang semakin perlahan (decelerating momentum) di ASEAN-5 lebih-lebih lagi kerana ciri perdagangan rantau ini yang agak terbuka. Trend pertumbuhan perdagangan global yang menurun dijangka berterusan memandangkan kurangnya rangsangan pertumbuhan baharu dalam ekonomi utama di tengah-tengah sentimen antiglobalisasi yang semakin ketara. Pihak IMF mengunjurkan perdagangan dunia akan mencatat pertumbuhan purata 4.1% dalam tempoh lima tahun akan datang, berbanding dengan 8.4% dalam tempoh tahun 2003 - 2007[5]. Oleh itu, rantau ini perlu memberikan tumpuan pada daya saingnya dalam persekitaran global yang lebih mencabar jika rantau ini ingin mencatat pertumbuhan yang secara relatifnya kukuh pada masa hadapan.

b) Ruang bagi dasar fiskal yang terhad

Walaupun ekonomi ASEAN-5 pada amnya mempunyai ruang bagi dasar makroekonomi yang lebih besar untuk mengubah strategi pada peringkat domestik berbanding dengan kebanyakan ekonomi maju utama, kedudukan fiskal keseluruhan beberapa ekonomi masih belum kembali ke paras sebelum berlakunya krisis (2003-2007). Hutang kasar Kerajaan am dalam beberapa ekonomi juga meningkat dalam persekitaran kadar faedah yang rendah dan akomodatif. Hal ini mencetuskan kebimbangan tentang perlunya pemulihan ruang dasar fiskal bagi membolehkan tindak balas kitaran timbal balas (counter-cyclical) terhadap kejutan yang akan datang. Di samping itu, ruang dasar fiskal perlu diperbesar untuk mengambil kira cabaran pembangunan, termasuk pelaburan yang lebih besar dalam infrastruktur bagi mengurangkan kekangan bekalan dan juga pembangunan modal insan. Dalam hal ini, usaha menggalakkan penyertaan sektor swasta yang lebih giat dalam pembangunan infrastruktur fizikal dan penyediaan perkhidmatan kewangan serta pendidikan dan penjagaan kesihatan, boleh membantu mengurangkan beban fiskal yang ditanggung kerajaan. Ini sekali gus meningkatkan hasil daripada produktiviti dan menambah baik kualiti perkhidmatan.

c) Landskap kewangan global baharu

Berikutan GFC, landskap kewangan global telah dibentuk berdasarkan piawaian pengawalseliaan baharu seperti Basel III, yang diperkenalkan untuk mengukuhkan piawaian kehematan dan pengawalseliaan sektor perbankan. Dalam hal ini, pembuat dasar di rantau ini mengekalkan kedudukan kewangan yang berhemat dengan membina penampan modal dan penampan mudah tunai bagi institusi kewangan serantau selepas AFC (Yao, 2016). Langkah tersebut telah membolehkan rantau ini berada pada kedudukan yang kukuh untuk memenuhi keperluan piawaian global yang baharu ini. Namun begitu, landskap kewangan terus berkembang maju lantas menyediakan peluang dan juga cabaran kepada rantau ini. Kemajuan teknologi yang pesat telah merangsang pertumbuhan Teknologi Kewangan (Financial Technology), atau lebih dikenali sebagai FinTech, yang berpotensi membawa pembaharuan terhadap cara perkhidmatan kewangan disediakan. Pembiayaan cara baharu, produk baharu, dan juga peserta baharu kini wujud, mencabar peranan dan kewajaran penggunaan model perniagaan tradisional sekarang. Ini termasuk pembangunan FinTech yang telah memperluas ruang lingkup perbankan dalam bidang seperti pinjaman 'rakan-kepada-rakan', pembiayaan kepada peniaga dan e-dagang kewangan serta pembiayaan perdagangan dalam talian[6]. Oleh itu, penting sekali bagi pembuat dasar di rantau ini untuk menyediakan persekitaran perundangan dan pengawalseliaan yang menyokong dan terus menggalakkan

---

[4] Untuk maklumat lanjut, sila rujuk rencana bertajuk 'Kelembapan Perdagangan Global Dewasa Ini: Masalah Kitaran atau Perubahan Struktur?' dalam Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2015.

[5] Sumber: IMF October 2016 World Economic Outlook.

[6] Sumber: World Economic Forum (2015).

inovasi, sambil pada masa yang sama memastikan perlindungan pengguna terus terpelihara dan pasaran kewangan dapat terus berfungsi dengan lancar.

Fokus dasar ASEAN-5 terhadap pembaharuan struktur

Menyedari bahawa tindakan segera perlu diambil untuk melaksanakan pembaharuan menyeluruh dalam persekitaran yang mencabar ini, para pembuat dasar di rantau ini terus mengambil langkah-langkah yang proaktif. Ini bukan sahaja bertujuan untuk menangani risiko yang mungkin timbul daripada limpahan persekitaran luar dalam jangka pendek, bahkan untuk memperkukuh prospek pertumbuhan dan daya saing rantau ini dalam jangka sederhana. Walaupun gabungan beberapa pembaharuan tertentu untuk menangani cabaran yang timbul selepas GFC mungkin berbeza antara satu negara dengan negara yang lain, keutamaan pembaharuan ASEAN-5 pada amnya merangkumi perkara berikut:

a) Meningkatkan produktiviti ekonomi

Pertumbuhan di rantau ini telah berjaya dicapai melalui sektor luaran dan domestik yang memberangsangkan. Dalam keadaan perdagangan global yang terus lemah, penting bagi rantau ini untuk membuat pembaharuan bagi memastikan pembangunan yang seimbang pada masa akan datang. Ini boleh dilaksanakan melalui peningkatan keupayaan produktif ekonomi melalui penambahbaikan saling hubungan, daya saing dan kecekapan modal insan. Sehubungan dengan itu, ekonomi ASEAN-5 telah menjadi pencetus pembaharuan yang berpandangan jauh, yang mengutamakan pelaburan dalam infrastruktur 'fizikal' (hard infrastructure) dengan menaik taraf rangkaian pengangkutan dan meningkatkan penembusan jalur lebar, dan juga infrastruktur 'bukan fizikal' (soft infrastructure) dengan menambah baik mekanisme tadbir urus dan pembangunan modal insan. Menyedari akan perlunya penglibatan sektor swasta yang lebih besar untuk membiayai perbelanjaan pembangunan infrastruktur yang semakin meningkat, ekonomi serantau juga telah mengambil langkah-langkah proaktif untuk mempertingkatkan rangka kerja perkongsian awam-swasta (public-private partnership, PPP) sedia ada. Ini bertujuan untuk mengurangkan pergantungan kepada sumber fiskal kerajaan. Usaha untuk meningkatkan produktiviti melalui pembangunan infrastruktur turut diperlengkap dengan pembangunan tenaga kerja yang cekap, bagi menggalakkan pertumbuhan yang mampan dalam jangka panjang dan memastikan agihan keuntungan ekonomi adalah saksama. Sebagai contoh, beberapa negara di rantau ini, terutamanya Malaysia dan Singapura, gigih membuat pembaharuan pasaran pekerja seperti pelaksanaan gaji minimum, penambahbaikan akses kepada pendidikan tinggi, dan usaha mempertingkatkan kemahiran pekerja untuk menghasilkan tahap daya saing yang lebih tinggi.

b) Mengekalkan kestabilan makroekonomi

Untuk terus memperkukuh asas-asas ekonomi, pembuat dasar di negara ASEAN-5, seperti Filipina, Indonesia dan Malaysia, telah memulakan pembaharuan untuk meningkatkan ruang fiskal dan rangka kerja institusi awam. Pengenalan pembaharuan terhadap cukai dan rasionalisasi subsidi serta sumber pendapatan awam yang lebih pelbagai telah memainkan peranan penting dalam pembinaan semula ruang dasar sejak tempoh GFC. Singapura dan Malaysia telah melaksanakan dasar awalan seperti langkah-langkah kehematan makro untuk menguruskan ketidakseimbangan dalam pasaran harta tanah serta membendung kebimbangan mengenai hutang isi rumah yang tinggi. Kedudukan fiskal yang berhemat dan dasar berpandangan jauh untuk mengurangkan kelemahan ini menjadi asas kestabilan makroekonomi yang lebih utuh.

c) Meningkatkan fleksibiliti dan kecekapan sistem kewangan

Dengan perkembangan pesat landskap kewangan global, pihak berkuasa negara di rantau ini menyedari bahawa peraturan yang ada tidak seharusnya membendung inovasi dan pendekatan baharu bagi pembangunan kewangan (Arner dan Park, 2010). Sebaliknya, seiring dengan perkembangan FinTech, usaha berterusan telah diambil untuk menggalakkan eksperimen penggunaan hasil inovasi secara lebih meluas. Ekonomi ASEAN-5 seperti Singapura dan Malaysia, mula menerima pakai FinTech dengan memperkenalkan pendekatan pengawalseliaan (regulatory sandbox). Langkah ini bukan sahaja membolehkan institusi kewangan dan peserta FinTech menguji hasil inovasi mereka di pasaran, malah juga dapat menggalakkan

persaingan dan inovasi di samping memastikan agar kestabilan kewangan terus terpelihara melalui perlindungan kewangan yang bersesuaian.

Bergerak seiring dengan trend global

Selain menangani cabaran yang timbul selepas GFC, rantau ini juga perlu lebih proaktif dalam melaksanakan pembaharuan untuk meraih manfaat dan juga mengurangkan risiko yang timbul akibat trend global yang berubah-ubah. Antara dasar penting ialah pembangunan yang sejajar dengan Industri 4.0 dan usaha untuk menggalakkan ekonomi yang inklusif dan menitikberatkan alam sekitar. Industri 4.0 telah mewujudkan bidang pertumbuhan baharu seperti ekonomi perkongsian dan e-dagang. Walaupun banyak yang telah dilaksanakan oleh ASEAN-5 untuk meraih manfaat daripada Industri 4.0, penerapan e-dagang masih agak baru dan oleh itu terdapat banyak ruang untuk penambahbaikan[7].

Di tengah-tengah pembangunan dan pembandaran yang pesat, perlindungan daripada peningkatan kos sosial yang negatif perlu disegerakan. Sehubungan dengan itu, ekonomi serantau telah melaksanakan pembaharuan untuk menggalakkan pertumbuhan inklusif dengan meningkatkan akses peluang kepada semua lapisan masyarakat. Ini termasuk memperkenalkan mekanisme perlindungan sosial yang lebih menyeluruh seperti menyediakan perkhidmatan kewangan kepada segmen masyarakat yang tiada, dan yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan pada peringkat individu dan perniagaan. Di Malaysia, pelbagai usaha telah diambil untuk meningkatkan akses dan penggunaan perkhidmatan kewangan berkualiti yang mampu dibayar melalui saluran, produk dan infrastruktur yang inovatif.

Dalam menghasilkan pembangunan alam sekitar yang mampan, usaha untuk mengembangkan dan memperluas penggunaan teknologi cekap tenaga juga beransur-ansur mendapat tempat di rantau ini. Sebagai contoh, pada tahun 2015, pelaburan dalam projek suria di rantau Asia Tenggara, terutamanya di Thailand, Indonesia dan Filipina, meningkat ke paras rekod tertinggi USD1.7 bilion (purata 2010-2014: USD0.9 bilion)[8]. Beberapa ekonomi serantau juga semakin giat menyokong penerapan konsep bangunan hijau, dengan menggunakan bahan binaan mesra ekologi dan pemuliharaan tenaga dan ruang. Singapura, khususnya, menerajui rantau Asia apabila menduduki tempat pertama dalam Indeks Bandar Hijau Asia (Asian Green City Index) Economist Intelligence Unit[9].

Kerjasama serantau melangkaui inisiatif negara

Ekonomi serantau menyedari bahawa strategi-strategi dasar perlu bercirikan dua peringkat memandangkan pendalaman pembaharuan struktur pada peringkat kebangsaan perlu juga diperlengkap dengan inisiatif untuk meningkatkan kerjasama serantau. Rangka Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN (ASEAN Economic Community, AEC) 2025 menyerlahkan hakikat bahawa integrasi yang lebih meluas membolehkan ekonomi serantau meraih manfaat daripada ciri kepelbagaian dan saling melengkapi merentas ekonomi[10]. Oleh yang demikian, inisiatif perkongsian maklumat dan bina upaya ASEAN memainkan peranan penting untuk meningkatkan keupayaan teknikal pembuat dasar semasa melaksanakan pembaharuan. Dengan mengambil kira tahap pembangunan dan keperluan negara-negara anggotanya yang berbeza, ASEAN juga terus mencapai kemajuan dalam usaha memperkukuh integrasi kewangan serantau, menggalakkan rangkuman kewangan dan memastikan kestabilan kewangan terpelihara. Yang nyata, Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN (ABIF) membuktikan komitmen ASEAN untuk memperkukuh perdagangan dan pelaburan antara rantau sambil memelihara kestabilan kewangan serantau.

Rumusan

Transformasi ASEAN-5 yang dilaksanakan melalui pembaharuan ekonomi dan kewangan memberi rantau ini asas-asas yang lebih kukuh dan dasar yang fleksibel untuk menghadapi kejutan luaran, seperti ditunjukkan oleh pemulihan

[7] Sumber: A. T. Kearney (2015)
[8] Sumber: Clean Energy Pipeline (2016)
[9] Sumber: Economist Intelligence Unit (2011)
[10] Sumber: Sekretariat ASEAN (2015)

pantas rantau ini semasa GFC. Kini, rintangan dalam persekitaran ekonomi global, termasuk aktiviti perdagangan antarabangsa yang terus lemah, ketidakpastian yang berpanjangan dari segi makroekonomi, serta turun naik kadar pertukaran dan aliran modal dan dasar yang ketara, menyebabkan ekonomi-ekonomi ini perlu terus mengutamakan pembaharuan. Selain itu trend mega yang berubah-ubah seperti gangguan teknologi, pembandaran yang pesat dan perubahan keadaan cuaca bukan sahaja telah menimbulkan cabaran bahkan membuka peluang kepada rantau ini. Dengan menggalakkan pertumbuhan yang mampan dan ekonomi yang dinamik, rantau ini boleh meningkatkan daya tahan dalam keadaan kitaran dan kejutan struktur ini. Usaha meningkatkan kerjasama dalam kalangan ekonomi rantau ASEAN juga membolehkan negara di rantau ini menggunakan kekuatan negara masing-masing bagi mendapatkan manfaat yang lebih besar melalui langkah-langkah pembaharuan ekonomi dan sosial.

Rujukan

Arner, D. W. and Park, C. Y. (2010), 'Global Financial Regulatory Reforms: Implications for Developing Asia,' Asian Development Bank.

A.T. Kearney (2015), 'The ASEAN Digital Revolution,' India.

Clean Energy Pipeline (2016), 'South East Asian Clean Energy Project Finance,' Mac.

Economist Intelligence Unit (2011), 'Asian Green City Index: Assessing the Environmental Performance of Asia's Major Cities,' Siemens AG, Munich.

International Financial Corporation (2011), 'International Finance Institutions and Development Through the Private Sector,' Washington, D.C, September.

International Monetary Fund (2016), 'A Guiding Framework for Structural Reforms,' Washington, D.C, April.

Park, D., Park, D., Ramayandi, A., Shin, K. (2013), 'Why Did Asian Countries Fare Better during the Global Financial Crisis than during the Asian Financial Crisis?' Peterson Institute for International Economics.

Sekretariat ASEAN (2015), 'Rangka Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN (ASEAN Economic Community, AEC) 2025' Jakarta, November.

World Economic Forum (2015), 'The Future of FinTech: A Paradigm Shift in Small Business Finance', Geneva, October.

Yao, W. (2016), 'Why Asian Banks are Well Positioned for Basel III,' Federal Reserve Bank of San Francisco, November.

Pencerahan Terhadap Isu Rumah Mampu Milik di Malaysia

Oleh Cheah Su Ling dan Stefanie Joan Almeida

Pengenalan

Sejak tahun 2012 lagi, harga rumah di Malaysia meningkat lebih cepat daripada pendapatan isi rumah. Berdasarkan harga rumah median semasa, kebanyakan rakyat Malaysia tidak mampu membeli rumah. Keadaan ini disebabkan terutamanya oleh bekalan rumah yang tidak memenuhi permintaan berikutan jangkaan yang berbeza antara isi rumah dengan pemaju perumahan. Isu ini bertambah buruk apabila bekalan rumah baharu lebih banyak tertumpu pada jenis rumah berharga tinggi. Isu kurangnya bekalan rumah agak meruncing, terutamanya bagi segmen rumah mampu milik. Penyediaan rumah mampu milik telah menjadi satu cabaran kepada pembuat dasar di seluruh dunia, termasuk juga Malaysia. Isu yang sama dihadapi di Amerika Syarikat (AS), United Kingdom (UK), Australia dan New Zealand (Demographia International, 2015). Rencana ini[1] memberikan definisi rumah mampu milik dalam konteks Malaysia, berdasarkan tahap pendapatan dan faktor demografi negara. Berdasarkan maklumat ini, anggaran jumlah bekalan rumah mampu milik yang diperlukan pada masa ini dan akan datang dapat dibuat. Rencana ini seterusnya mengenal pasti beberapa dasar yang dilaksanakan di negara lain untuk mengatasi masalah kekurangan rumah mampu milik, yang boleh dijadikan contoh pengajaran bagi Malaysia dalam menangani isu yang sama.

Definisi Kemampuan Memiliki Rumah

Rumah mampu milik secara umumnya didefinisikan sebagai rumah yang memenuhi keperluan dari segi kualiti dan lokasi, mampu dibeli dan pembeli rumah berkenaan masih berupaya membeli keperluan asas yang lain[2]. Memandangkan skop rumah mampu milik adalah luas[3], rencana ini menumpukan pada aspek kemampuan membeli rumah dari segi kewangan untuk mengenal pasti setakat mana harga rumah di pasaran berada di luar kemampuan isi rumah di Malaysia.

Menurut UN-HABITAT, kemampuan membeli rumah dari segi kewangan bergantung pada dua komponen utama: (i) kos membeli rumah, dan (ii) kos menyelenggara rumah (Gambar Rajah 1), yang dipengaruhi oleh harga harta

Gambar Rajah 1

Komponen Asas Kemampuan Kewangan Perumahan



Sumber: Disesuaikan daripada UN-HABITAT (2011)

[1] Rencana ini merupakan lanjutan kepada rencana 'Menilai Keadaan Permintaan-Penawaran dalam Pasaran Harta Tanah di Malaysia', yang terkandung dalam Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2015.

[2] Menurut United Nations Human Settlements Programme (UN-HABITAT, 2011).

[3] Satu definisi yang lebih luas untuk rumah mampu milik merujuk bukan sahaja kepada kemampuan dari segi harga, tetapi meliputi rumah yang memenuhi piawaian minimum taraf kehidupan yang memuaskan (kemudahan asas, saiz binaan, kebersihan, tiada kecacatan struktur bangunan) dan lokasi yang terletak tidak terlalu jauh dari pusat pekerjaan, biasanya satu jam perjalanan (McKinsey Global Institute, 2014).

tanah, jumlah bayaran muka yang diperlukan, jumlah pembiayaan yang diperoleh serta keupayaan untuk membiayai penyelenggaraan harta tanah dan pembayaran balik pinjaman gadai janji setiap bulan. Memandangkan dimensi rumah mampu milik agak luas, beberapa ukuran kemampuan memiliki rumah telah dikenal pasti. Walaupun tidak terdapat piawaian universal dalam mentafsirkan kemampuan membeli rumah, terdapat tiga pendekatan yang lazim digunakan, iaitu *Median Multiple, Housing Cost Burden* dan *Residual Income*.

Jadual 1

Perbandingan Metrik Rumah Mampu Milik

Kaedah tahap	Pendekatan	Definisi Perumahan Mampu Milik	Kelebihan	Kekurangan
Makro ↓	***Median Multiple* (MM)**	Harga rumah median yang maksimum tiga kali lebih tinggi daripada pendapatan tahunan isi rumah median (cth. nisbah harga rumah kepada pendapatan 3.0 ke bawah).	Mudah dikira. Membolehkan perbandingan kemampuan memiliki rumah antara negara dan dalam sesebuah negara dari semasa ke semasa.	Tidak mengira peranan kredit.
	***Housing Cost Burden* (HCB)**	Perbelanjaan perumahan (cth. pembayaran balik gadai janji) kurang daripada 30% daripada pendapatan isi rumah.	Mengambil kira kesan leveraj/ kemampuan dan perbelanjaan tidak berkaitan dengan rumah oleh isi rumah. Membolehkan perbandingan kemampuan memiliki rumah antara negara dan dalam sesebuah negara dari semasa ke semasa.	Ambang 30% yang tidak fleksibel. Ketepatan perbandingan merentas negara mungkin dipengaruhi oleh perbezaan kos sara hidup dan struktur pembiayaan gadai janji antara pelbagai negara.
Mikro	***Residual Income* (RI)**	Pendapatan baki (selepas ditolak kos tidak berkaitan dengan rumah) yang mencukupi untuk membiayai obligasi gadai janji bulanan.	Mengambil kira kesan leveraj dan corak perbelanjaan isi rumah. Lebih mencerminkan keupayaan isi rumah untuk membeli rumah.	Perbandingan merentas negara yang terhad. Memerlukan data terperinci mengenai pendapatan isi rumah, sifat-sifat isi rumah, kos sara hidup dan kos perumahan.

Sumber: Demographia International (2015), UN-HABITAT (2011), Fannie Mae (2016)

Berdasarkan metodologi *Median Multiple* (MM)[4] yang dibangunkan oleh Demographia International untuk menilai pasaran perumahan di kawasan bandar, sebuah rumah dianggap mampu dibeli jika harga rumah itu kurang daripada tiga kali pendapatan tahunan isi rumah median. Gandaan median 3.0 kali ini dibuat berdasarkan pemerhatian di enam[5] buah negara yang mempunyai nisbah kemampuan memiliki rumah antara 2.0 hingga 3.0 kali sehingga tahun 1980-an atau 1990-an. Walaupun ketepatan metodologi MM ini mungkin berbeza antara negara, MM merupakan kaedah yang banyak digunakan untuk membanding kemampuan memiliki rumah. Pendekatan kedua, iaitu *Housing Cost Burden* (HCB) yang mengambil kira kredit yang disediakan, menganggap kemampuan memiliki rumah sebagai peratusan daripada pendapatan isi rumah yang dibelanjakan untuk membeli rumah. Pendekatan HCB ini lazim digunakan di AS, Australia dan negara-negara OECD. Pendekatan[6] ini dibuat berdasarkan peraturan biasa yang merumuskan bahawa perbelanjaan[7] untuk membeli rumah yang kurang daripada 30 peratus daripada pendapatan[8] isi rumah dianggap sebagai masih dalam tahap kemampuan isi rumah. Oleh itu, sekiranya ada isi rumah membayar

[4] Disarankan oleh Bank Dunia serta Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). MM juga digunakan oleh the Joint Centre for Housing Studies, Harvard University, Amerika Syarikat.

[5] Australia, Kanada, Ireland, New Zealand, United Kingdom dan Amerika Syarikat.

[6] Dibangunkan oleh US Department of Housing and Urban Development.

[7] Jumlah kos perumahan termasuk bayaran pokok pinjaman gadai janji dan bayaran faedah atau sewa, insurans rumah, perkhidmatan wajib dan caj (kumbahan dan sisa buangan), penyelenggaraan berkala dan pembaikan, cukai dan kos utiliti (contoh air, elektrik, gas dan pemanasan). Bagi penyewa, kos ini diambil kira jika dibayar penyewa.

[8] Pendapatan isi rumah termasuk pendapatan daripada pekerjaan, faedah sosial, pelaburan dan pendapatan isi rumah yang lain. Pendapatan boleh guna (pendapatan isi rumah, selepas potongan cukai dan lain-lain) kadang-kadang digunakan, seperti dalam OECD (2016).


lebih daripada 30%, mereka dianggap amat dibebani oleh kos perumahan. Hal ini kerana isi rumah boleh menghadapi risiko tidak mempunyai pendapatan yang mencukupi untuk membeli keperluan asas yang lain seperti makanan, pengangkutan dan penjagaan kesihatan. Kaedah ketiga dan juga lebih terperinci ialah *Residual Income* (RI). Ciri pertama RI ialah mengambil kira keperluan asas kos isi rumah, dan menolak kos ini daripada pendapatan isi rumah. Bakinya menjadi 'lebihan' pendapatan. Ini juga akan mencerminkan keupayaan isi rumah untuk menanggung kos perbelanjaan perumahan (contohnya pembayaran balik pinjaman gadai janji). Pendekatan RI digunakan oleh beberapa bank perdagangan untuk menilai permohonan pinjaman gadai janji perumahan. Jadual 1 menunjukkan perbandingan antara ketiga-tiga metrik ini.

Mengukur Kemampuan Memiliki Rumah di Malaysia

Dengan menggunakan kaedah MM, nisbah harga rumah median kepada pendapatan median isi rumah secara konsisten melebihi 3.0 sejak tahun 2004 lagi. Pada tahun 2014, nisbah kemampuan memiliki rumah ialah 4.4[9], menunjukkan bahawa rumah di Malaysia secara keseluruhannya adalah 'sangat tidak mampu dimiliki' (Rajah 1). Di Malaysia, harga rumah meliputi rumah 'mampu dimiliki' seperti di Melaka (nisbah kemampuan 2.98 pada tahun 2014), sehingga rumah 'benar-benar tidak mampu dimiliki' seperti di Terengganu[10], Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Sabah (nisbah melebihi 5, Rajah 2).

Rajah 1

Harga Rumah di Malaysia Terus Melebihi 3.0 Kali Piawaian Kemampuan Memiliki Rumah




Pendekatan *Median Multiple*
Taraf Kemampuan

Taraf	Nisbah Harga Rumah kepada Pendapatan
Benar-benar Tidak Mampu Milik	5.1 & Lebih Tinggi
Sangat Tidak Mampu Milik	4.1 hingga 5.0
Agak Tidak Mampu Milik	3.1 hingga 4.0
Mampu Milik	3.0 & Lebih Rendah

Sumber: Demographia International (2015), Pusat Maklumat Harta Tanah Negara, Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 2

Rumah di Kebanyakan Negeri Tidak Mampu Dimiliki Isi Rumah Berpendapatan Median



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Pusat Maklumat Harta Tanah Negara dan anggaran Bank Negara Malaysia

[9] Data terkini bagi pendapatan isi rumah median hanya setakat tahun 2014 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2014). Dengan menggunakan pendekatan MM, rumah di Malaysia adalah kurang mampu dimiliki berbanding dengan di AS (nisbah harga rumah kepada pendapatan 3.6), Kanada dan Ireland (4.3), tetapi lebih mampu dimiliki berbanding dengan UK (4.7), Singapura (5.0), Australia (6.4), New Zealand (8.2) dan Hong Kong (17.0) (Demographia International, 2015).


[10] Di Terengganu, kenaikan harga rumah (2012-2014: 14.1%) melebihi pendapatan isi rumah (11.6%).

Anggaran dengan menggunakan metodologi HCB dan RI pada amnya selaras dengan penemuan MM di atas. Pendekatan HCB dan RI mengambil kira pinjaman rumah sebagai faktor yang menyokong kemampuan isi rumah untuk membeli rumah. Harga rumah mampu milik di bawah kedua-dua pendekatan tersebut adalah sama dengan jumlah pinjaman[11] perumahan maksimum yang dapat diperoleh isi rumah. Ini seterusnya membolehkan isi rumah membeli rumah berharga lebih tinggi berbanding dengan pendekatan MM, yang merupakan penunjuk bagi berapa kali harga rumah median melebihi pendapatan tahunan isi rumah median tanpa bantuan pinjaman perumahan. Seterusnya, harga rumah mampu milik mengikut pendekatan RI didapati lebih tinggi berbanding dengan pendekatan HCB. Hal ini kerana pendekatan RI melegakan kekangan 30% perbelanjaan kos perumahan yang dikenakan oleh HCB, dengan mengambil kira faktor bahawa isi rumah dalam kumpulan pendapatan yang berbeza mungkin membelanjakan bahagian pendapatan mereka secara berlainan untuk perbelanjaan rumah dan bukan rumah.

Kawasan berlorek dalam Rajah 3 menunjukkan perbezaan ini, iaitu harga ideal untuk rumah mampu milik bagi isi rumah median pada tahun 2014 (pendapatan bulanan RM4,585) adalah sehingga RM165,060 dengan menggunakan pendekatan MM. Namun, harga menjadi lebih tinggi kepada RM248,000 melalui pendekatan HCB, dan RM261,000 melalui pendekatan RI. Pada tahun 2014, harga median sebenar bagi sebuah rumah di Malaysia ialah RM242,000. Ini menunjukkan bahawa rumah adalah mampu untuk dimiliki berdasarkan pendekatan HCB dan RI. Kesimpulan yang sama boleh dibuat untuk negeri Selangor dan Johor. Walau bagaimanapun, di bawah ketiga-tiga pendekatan ini, rumah di pusat-pusat bandar utama tidak mampu untuk dimiliki (Rajah 4). Di empat pusat bandar utama, harga rumah median dalam pasaran semasa jauh melebihi harga rumah mampu milik yang ideal. Keadaan ini meruncing terutamanya di Georgetown yang mencatat harga rumah median tertinggi dan pendapatan isi rumah median yang paling rendah. Memandangkan harga rumah terus meningkat pada tahun 2016, kemampuan memiliki rumah masih menjadi isu bagi golongan isi rumah.


Rajah 3

Pada Tahun 2014, Rumah di Malaysia dan Beberapa Negeri Utama dianggap Mampu Milik...



Rajah 4

...tetapi Tidak Mampu Dimiliki di Pusat-pusat Bandar Utama di Empat Negeri Utama



Nota: Angka dalam kurungan ( ) merujuk pendapatan bulanan isi rumah median setiap **negeri** pada tahun 2014
Angka dalam kurungan persegi [ ] merujuk pendapatan bulanan isi rumah median **bandar** setiap negeri pada tahun 2014, yang digunakan sebagai proksi untuk pendapatan isi rumah median di setiap kota bandar

*Bandar-bandar di setiap negeri adalah berdasarkan penggarisan (i) Daerah: Petaling (Shah Alam, Subang Jaya dan Petaling Jaya) di Selangor dan Johor Bahru di Johor; (ii) Mukim: Pusat Bandar Kuala Lumpur di Kuala Lumpur dan Georgetown di Pulau Pinang

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Pusat Maklumat Harta Tanah Negara dan anggaran Bank Negara Malaysia

[11] Faktor-faktor lain yang diambil kira termasuk kadar faedah semasa, 90% pinjaman kepada nilai dan tempoh pinjaman 35 tahun. Pengiraan ini mengambil kira pendapatan boleh guna isi rumah (pendapatan kasar tolak KWSP, PERKESO dan cukai pendapatan).

Berdasarkan pelbagai metodologi yang digunakan, dan seperti dijangka, setiap ukuran kemampuan menunjukkan keputusan yang berbeza. Namun, kesemuanya mempunyai kesimpulan yang konsisten. Pertama, kemampuan memiliki rumah telah merosot. Ketiga-tiga kaedah ini mendapati bahawa kemampuan memiliki rumah telah merosot dengan ketara sepanjang tempoh 2012 – 2014, dan ini didapati amat berbeza antara negeri di seluruh negara. Kedua, memandangkan isi rumah biasanya membeli rumah dengan pembiayaan perumahan, wajaran yang lebih besar diberikan kepada hasil keputusan daripada kaedah HCB dan RI. Melalui kedua-dua kaedah ini, rumah di Malaysia secara keseluruhannya dianggap mampu untuk dimiliki. Walau bagaimanapun, kesimpulan ini perlu diperhalusi memandangkan perbezaan antara negeri tidak diambil kira. Akhir sekali, kesemua kaedah ini mendapati bahawa harga rumah dipusat bandar di negeri utama nyata tidak mampu untuk dimiliki, dengan tahap ketidakmampuan yang berbeza-beza di lokasi yang berlainan.

Faktor yang Menyebabkan Timbulnya Isu Kemampuan Memiliki Rumah di Malaysia


Isu rumah mampu milik lebih mencerminkan keadaan tidak seimbang antara bekalan dengan permintaan rumah di Malaysia dan keadaan ini bertambah teruk dalam tempoh tahun 2012 - 2014. Sepanjang tempoh itu, bekalan rumah baharu tidak dapat memenuhi peningkatan permintaan (purata bekalan 85,000 unit rumah baharu berbanding dengan pertambahan 118,000 isi rumah baharu). Keadaan ini berbeza dengan senario pada tahun 2007 - 2009, apabila bekalan rumah baharu melebihi permintaan (Rajah 5).

Kedua, kesan kurangnya bekalan rumah terhadap kemampuan memiliki rumah diburukkan lagi oleh kadar kenaikan pendapatan isi rumah yang lebih perlahan (12.4%) yang tidak sepadan dengan kenaikan harga rumah (17.6%) (Rajah 6). Kedua-dua trend ini lebih meruncing di negeri-negeri utama (Rajah 5a dan 6a).

Faktor ketiga yang tambah memburukkan isu kemampuan memiliki rumah ialah trend pelancaran rumah yang lebih banyak dalam kategori rumah berharga melebihi RM250,000[12] (Rajah 7). Walaupun lebih banyak pelancaran dibuat oleh pemaju antara tahun 2012-2014, bilangan unit rumah mampu milik baharu bagi isi rumah berpendapatan median (di bawah RM250,000[13]) berkurang sebanyak 16,200 unit setahun antara tahun 2008-2009. Memandangkan terdapat bekalan berlebihan bagi rumah mewah yang di luar kemampuan isi rumah, sebahagian besar rumah dalam kategori ini tidak dapat dijual (Rajah 8).

Rajah 5


Bekalan Rumah Baharu Tidak Mencukupi Berbanding dengan Peningkatan Bilangan Isi Rumah Antara Tahun 2012-2014



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 6

Antara Tahun 2012-2014, Kadar Kenaikan Harga Rumah Median Melebihi Kadar Peningkatan Pendapatan Tahunan Isi Rumah Median




*Nota: CAGR merujuk Kadar Pertumbuhan Tahunan Terkumpul (Compound Annual Growth Rate)

[12] Pemaju perumahan menyatakan kenaikan kos tanah, bahan binaan, pekerja dan kos pematuhan sebagai antara punca harga rumah lebih tinggi.

[13] Harga rumah mampu milik pada tahun 2014 ialah RM248,000 dan RM261,000 masing-masing menggunakan pendekatan HCB dan RI.

Rajah 5a


Kekurangan Bekalan Rumah Baharu Ketara di Kebanyakan Negeri Utama Antara Tahun 2012-2014



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara dan Jabatan Perangkaan Malaysia


Rajah 6a

Kenaikan Harga Rumah Median Berbanding dengan Tahap Pendapatan Setiap Negeri Utama Antara Tahun 2012-2014



Rajah 7


Pelancaran Perumahan Baharu Semakin Menjurus Segmen Harta Tanah Mewah



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara

Rajah 8

Majoriti Rumah Belum Dijual di Malaysia dalam Kategori Harga Tidak Mampu Milik



(S1 2016: 63,108 unit)

Nota: Harga rumah mampu milik dianggarkan menggunakan HCB. Jumlah harta tanah yang belum dijual termasuk yang telah siap dan masih dalam pembinaan pada S1 2016.

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara dan anggaran Bank Negara Malaysia

Akses kepada Pembiayaan untuk Pembeli Rumah dan Peserta Industri

Dari perspektif pembeli rumah, pembiayaan bank untuk pembelian rumah kediaman bagi peminjam yang berkelayakan terus tersedia. Pertumbuhan pinjaman terkumpul untuk pembelian rumah berpurata 13.2% dalam tempoh 2012 - 2014 (2008-2009: 9.8%). Kadar ini menurun kepada 9.2% pada tahun 2016 disebabkan oleh pasaran perumahan yang lebih lembap. Permintaan untuk rumah mampu milik telah menyokong peningkatan pembiayaan akhir oleh bank untuk pembelian rumah kediaman. Pada akhir tahun 2016, kira-kira 56% daripada pinjaman terkumpul adalah bagi rumah berharga di bawah RM250,000, manakala pinjaman untuk rumah berharga antara RM250,000 hingga RM500,000 mencakupi bahagian sebanyak 25%. Selain itu, kadar permohonan pinjaman perumahan yang ditolak, terus menurun kepada 23.6% pada tahun 2016 (2012 - 2015: 26.1%). Trend ini jelas menunjukkan bahawa pembiayaan masih disediakan untuk pembeli rumah yang layak.

Syarikat yang membina rumah juga terus mendapat akses kepada pembiayaan bank. Pinjaman untuk aktiviti harta tanah dan pembinaan harta kediaman meningkat, pada kadar kukuh 11.7% pada tahun 2016 (2012 - 2014: 18.5%), mencerminkan pelancaran harta tanah dan bekalan yang semakin berkurang.

Jumlah Rumah Mampu Milik yang Diperlukan

Dari segi bekalan, adalah jelas bahawa pasaran perumahan tidak menyediakan bekalan rumah mampu milik yang mencukupi untuk isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana. Pada tahun 2014, kekurangan[14] rumah mampu milik dianggarkan berjumlah 960,000[15] unit. Jurang ini adalah jelas di kebanyakan negeri, dengan kekurangan paling nyata di Sabah dan Sarawak, yang mencakupi 50% daripada jumlah kekurangan rumah mampu milik di Malaysia. Antara empat buah negeri yang mempunyai tumpuan penduduk bandar yang padat, kekurangan rumah mampu milik adalah paling meruncing di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor. Sebaliknya, Selangor didapati mempunyai lebihan rumah mampu milik. Walau bagaimanapun, hal ini mungkin disebabkan oleh terlebih anggaran memandangkan terdapat banyak rumah kos rendah di negeri Selangor yang mungkin tidak memenuhi keperluan kualiti serta lokasi[16].

Walaupun terdapat pelbagai program rumah mampu milik yang disediakan oleh sektor swasta serta Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, jumlah rumah yang dibina pada masa ini tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan. Jika trend semasa yang berkaitan dengan pertambahan penduduk, proses pembandaran dan pertumbuhan pendapatan berterusan, ketidakpadanan bekalan-permintaan dalam segmen rumah mampu milik dijangka bertambah buruk pada masa hadapan. Trend demografi[17] negara menunjukkan bahawa dengan bertambahnya penduduk Malaysia, bilangan isi rumah meningkat pada kadar yang lebih cepat berbanding dengan pertumbuhan jumlah penduduk negara. Hal ini mencerminkan trend saiz isi rumah yang semakin kecil. Selain itu, perkara ini juga menunjukkan bahawa permintaan untuk rumah mampu milik dijangka meningkat pada masa hadapan. Menjelang tahun 2020, kekurangan rumah mampu milik dianggarkan melebihi 1 juta unit[18].

Pengajaran Dasar dalam Mengatasi Isu Rumah Mampu Milik

Isu kekurangan rumah mampu milik bukan hanya dihadapi oleh Malaysia, malah di negara-negara lain juga. Dalam hal ini, negara-negara tersebut telah mengenal pasti dasar berkaitan dengan bekalan dan permintaan untuk mengurangkan jurang rumah mampu milik. Cabaran ini memerlukan pelbagai pendekatan dengan tumpuan pada empat bidang utama: i) meningkatkan bekalan dan mengurangkan kos rumah mampu milik; ii) membangunkan repositori berpusat sebagai satu cara yang sistematik untuk memantau dan menguruskan permintaan dan bekalan rumah mampu milik; iii) membangunkan pasaran rumah sewa yang pesat; dan iv) mempelbagaikan sumber pembiayaan rumah mampu milik.

i) Meningkatkan Bekalan dan Mengurangkan Kos Rumah Mampu Milik

Bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan rumah mampu milik, pendekatan yang lebih teratur diperlukan. Langkah memperkasakan pihak berkuasa tunggal[19] untuk menerajui pembinaan rumah mampu milik di seluruh negara boleh meningkatkan kecekapan dari segi skala, memudahkan pengurusan pangkalan data, dan juga menjalankan penyelidikan ke atas pilihan-pilihan dasar yang ada untuk mengatasi cabaran berkaitan dengan rumah mampu milik.

---

[14] Disebabkan kekurangan data, jurang rumah mampu milik dalam rencana ini dianggarkan berdasarkan kemampuan kewangan untuk memiliki rumah. Sebaik-baiknya, anggaran permintaan rumah mampu milik yang lebih tepat juga perlu mengambil kira keperluan isi rumah dari segi piawaian kualiti dan lokasi rumah, di samping harga rumah.

[15] Memandangkan data stok rumah mampu milik tidak tersedia ada, anggaran dibuat berdasarkan andaian isi rumah boleh membeli harta tanah yang mereka mampu. Oleh itu, bahagian transaksi rumah mampu milik (iaitu transaksi dibuat sehingga harga rumah mampu milik) digunakan sebagi proksi bagi bahagian rumah mampu milik dalam pasaran. Perbezaan antara stok rumah mampu milik (bekalan) dengan bilangan isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana (yang akan meminta rumah mampu milik) akan menentukan kekurangan bekalan. Cara ini akan diulang bagi setiap negeri dan jumlah kekurangan bekalan dianggarkan sebanyak 960,000 unit di seluruh negara pada tahun 2014.

[16] Kekurangan perumahan awam kos rendah di Selangor, termasuk lokasi yang jauh daripada institusi pembelajaran dan kemudahan penjagaan kesihatan, serta kecacatan bangunan seperti rawatan tidak kalis air yang kurang elok dan kebocoran paip (Hashim et al, 2012).

[17] Dari tahun 2000-2010, kadar pertumbuhan penduduk tahunan purata ialah 1.9%, manakala kadar pertumbuhan tahunan purata bilangan isi rumah dalam tempoh yang sama ialah 3.2%. Selain itu, saiz purata isi rumah menurun daripada 4.6 orang setiap isi rumah pada tahun 2000 kepada 4.2 orang setiap isi rumah pada tahun 2010 (Jabatan Perangkaan Malaysia 2010).

[18] Unjuran berpandukan ramalan penduduk dalam Rancangan Malaysia Kesebelas dan mengambil kira trend rumah mampu milik yang siap dibina dalam tempoh tahun 2014 hingga separuh pertama tahun 2016.

[19] Housing Development Board (HDB) di Singapura membina dan menguruskan rumah mampu milik di negara itu. Kira-kira 80% daripada penduduk Singapura tinggal di flet HDB. Di Korea, Land and Housing Corporation membina rumah mampu milik untuk golongan yang mudah terjejas, termasuk untuk disewa.

Pendekatan industri boleh digunakan untuk menyediakan rumah dengan cepat, dalam jumlah yang banyak dan pada kos yang lebih rendah. Teknik pembinaan secara industri untuk meningkatkan produktiviti pekerja telah menjimatkan masa untuk menyiapkan pembinaan rumah mampu milik sebanyak 40% - 50% dan mengurangkan kos sebanyak 30% (McKinsey Global Institute, 2014). Selain itu, proses pemerolehan yang lebih bijak seperti penubuhan konsortium pembelian[20] telah menjimatkan kos (melalui diskaun untuk pesanan secara pukal), yang boleh memberikan manfaat kepada pembeli melalui harga rumah yang lebih rendah.

ii) Membangunkan Repositori Berpusat Sebagai Cara Sistematik untuk Memantau dan Menguruskan Permintaan dan Bekalan Rumah Mampu Milik

Di negara-negara yang telah mencapai kemajuan ketara dalam mengatasi isu kemampuan memiliki rumah, pangkalan data bersepadu yang mengumpul data permintaan dan bekalan rumah ternyata amat berguna dalam membantu penyediaan rumah mampu milik oleh sektor awam dan swasta. Pangkalan data ini perlu diurus dan dipantau oleh pihak berkuasa tunggal yang diberikan mandat untuk memantau keperluan rumah mampu milik di negara ini. Pangkalan data ini juga perlu dikemas kini dengan secara kerap untuk menunjukkan perubahan dalam pendapatan isi rumah serta perubahan dalam keperluan dan pilihan isi rumah. Kaji selidik[21] secara berkala boleh dilakukan untuk mengemas kini keperluan isi rumah dari segi harga, saiz ruang binaan, reka bentuk dan lokasi, supaya bekalan rumah pada masa akan datang boleh diselaraskan untuk memenuhi keperluan mereka.

iii) Membangunkan Pasaran Rumah Sewa yang Pesat

Sektor rumah sewa swasta juga boleh mengurangkan jurang bekalan-permintaan rumah mampu milik. Di Malaysia, hanya 24% daripada jumlah isi rumah tinggal di rumah sewa[22]. Untuk mengurangkan permintaan rumah mampu milik, rumah sewa perlu menjadi pilihan yang baik dan bukan pilihan terakhir bagi isi rumah. Inisiatif dasar di negara lain menumpukan pada usaha mengukuhkan rangka kerja perundangan dan institusi asas bagi pasaran rumah sewa.

Pada peringkat global, beberapa Kerajaan telah melindungi hak penyewa dan tuan rumah dengan menggubal undang-undang khusus seperti Akta Penyewaan (Australia dan New Zealand) atau memasukkan peruntukan perlindungan ini ke dalam undang-undang Persekutuan mereka (Jerman). Perlindungan penyewaan termasuklah mempunyai perjanjian sewaan yang boleh dikuatkuasakan dan mekanisme bayaran duit muka sewa yang melibatkan pihak ketiga yang berkecuali[23]. Ini bagi melindungi hak penyewa untuk mendapatkan semula bayaran wang muka, dan pada masa yang sama membolehkan tuan rumah menggunakan bayaran wang muka dalam kes penyewa melanggar perjanjian sewaan.

iv) Mempelbagaikan Sumber Pembiayaan untuk Penyediaan dan Pembelian Rumah Mampu Milik

Pembangunan rumah mampu milik, terutamanya di pusat-pusat ekonomi utama, melibatkan perbelanjaan yang besar kepada pemaju perumahan. Oleh itu, langkah menggunakan sumber pembiayaan swasta akan dapat membantu usaha ke arah pendekatan yang lebih berasaskan pasaran, yang mampan dalam jangka masa panjang. Di India, model usaha sama pihak awam-swasta menjadi pelengkap kepada saluran awam untuk membiayai bekalan rumah awam (UN-HABITAT, 2011).

Bagi isi rumah, kaedah pembiayaan nyata memberikan kesan kepada kemampuan memiliki rumah. Satu pilihan yang ada ialah pembiayaan bank untuk pinjaman perumahan. Berikutan Krisis Kewangan Global, inovasi dalam

---

[20] Inisiatif Kecekapan Pemerolehan UK bagi perumahan awam mencapai penjimatan kos bahan binaan sebanyak 15-30% (McKinsey Global Institute, 2014).

[21] Kaji selidik secara persampelan telah dilaksanakan oleh HDB di Singapura secara besar-besaran setiap lima tahun. Kaji selidik terkini pada tahun 2013 meliputi 7,800 isi rumah yang tinggal di kesemua perbandaran dan harta tanah milik HDB.

[22] Ini adalah rendah jika dibandingkan dengan Hong Kong (49%), Jepun (38%), New Zealand (35%) dan Australia (31%). Untuk keterangan lanjut, rujuk rencana bertajuk 'Menilai Keadaan Permintaan-Penawaran dalam Pasaran Harta Tanah di Malaysia' yang terkandung dalam Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2015.

[23] Bayaran muka untuk sewa disimpan dengan pihak ketiga seperti agensi kerajaan yang khusus (New Zealand Tenancy Services, Residential Tenancies Bond of Victoria, Australia), skim bayaran muka penyewaan yang diluluskan (UK Tenancy Deposit Scheme, UK Deposit Protection Services) atau akaun bank simpanan bersama (Jerman).

pembiayaan perumahan perlu seimbang antara peningkatan akses kepada pembiayaan perumahan untuk isi rumah dengan kegiatan mengelakkan piawaian pemberian pinjaman yang longgar yang boleh mencetuskan spekulasi yang berlebihan, atau terlalu membebankan isi rumah yang tidak mampu membayar balik pinjaman perumahan mereka. Pembiayaan perumahan juga boleh disokong oleh mekanisme kreatif yang menggunakan pelbagai sumber pembiayaan[24] dan skim pembiayaan yang inovatif seperti pemilikan bersama yang membolehkan pembeli memperoleh sebahagian daripada pemilikan rumah berbanding dengan pembelian sekali gus.

Kesimpulan

Pasaran perumahan di Malaysia tidak dapat menyediakan bekalan rumah mampu milik yang mencukupi kepada orang ramai. Kekurangan bekalan rumah mampu milik mungkin menjadi bertambah buruk pada masa hadapan berikutan trend pendapatan dan faktor demografi semasa.

Melangkah ke hadapan, strategi intervensi dasar yang dirumuskan dengan teliti diperlukan. Matlamatnya adalah menentukan pasaran perumahan dapat memenuhi keperluan isi rumah daripada semua kumpulan pendapatan. Matlamat untuk memenuhi permintaan rumah mampu milik pada masa hadapan memerlukan komitmen semua; Kerajaan dan sektor swasta. Oleh itu, penubuhan sebuah agensi tunggal untuk menyelaraskan penyediaan rumah mampu milik dan juga sebuah repositori berpusat adalah penting. Selain itu, usaha untuk mengurangkan kos pembinaan rumah mampu milik melalui pelaksanaan penjimatan kos dan teknologi yang meningkatkan produktiviti, akan mempercepat masa untuk menyiapkan projek rumah mampu milik dan menambah bilangan rumah yang sedia untuk ditawarkan pada masa hadapan. Dari segi permintaan, pembangunan pasaran rumah sewa untuk mengecilkan jurang kemampuan boleh melegakan sedikit tekanan kepada Kerajaan untuk membina semua rumah mampu milik yang diperlukan. Langkah ini perlu diperlengkap oleh skim yang lebih inovatif untuk membiayai pembelian rumah mampu milik. Bagi pembiayaan akhir, Bank Negara Malaysia, seperti juga bank-bank pusat negara lain, telah memperkenalkan langkah kehematan makro untuk mengekang kegiatan spekulasi dalam pasaran perumahan dan menghindarkan seseorang itu daripada meminjam terlampau banyak hingga melangkaui kemampuannya. Penting untuk diketahui bahawa langkah-langkah ini tidak sekali-kali akan menjejaskan akses kepada pembiayaan bagi peminjam yang layak, termasuk bagi pembeli rumah kali pertama.

Sebagai kesimpulan, meskipun cabaran untuk merapatkan jurang kemampuan adalah besar, pengalaman negara-negara lain menunjukkan bahawa pelaksanaan gabungan dasar yang inovatif dan bersasaran ternyata mampu mengatasi isu rumah mampu milik ini.

[24] Mexico mempunyai kumpulan wang simpanan perumahan khusus (UN-HABITAT,2011).

Rujukan

Bank Negara Malaysia (2015). 'Menilai Keadaan Permintaan-Penawaran dalam Pasaran Harta Tanah di Malaysia'. Rencana dalam Laporan Tahunan. Kuala Lumpur

Cornelius, J. (2014). 'Tenant's Rights Brochure for Germany'. Accessed on 6 January 2017 at http://www.tenlaw.uni-bremen.de

Demographia International (2015). '11th Annual Demographia International Housing Affordability Survey 2015: Rating Middle-income Housing Affordability'.

Fannie Mae (2016). 'Housing Affordability Primer'.

Hashim, A., Samikon, S., Mat Nasir, N (2012). 'Assessing Factors Influencing Performance of Malaysian Low-Cost Public Housing in Sustainable Environment'. Journal of Social and Behavioural Sciences, 50, 920-927.

Housing Development Board (2011). 'Public Housing in Singapore'.

Jabatan Perangkaan Malaysia (2010). 'Laporan Ciri-ciri Isi Rumah Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia'.

Jabatan Perangkaan Malaysia (2014). 'Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas'.

McKinsey Global Institute (2014). 'A Blueprint for Addressing the Global Affordable Housing Challenge'.

New Zealand Tenancy Services under the Ministry of Business, Innovation and Employment (2015). 'Renting and You: A Guide for Landlords and Tenants'. Wellington, New Zealand.

Salvi del Pero, A. et al. (2016). 'Policies to Promote Access to Good-Quality Affordable Housing in OECD Countries'. OECD Social, Employment and Migration Working Papers, No. 176, OECD Publishing, Paris.

UN-HABITAT (2011). 'Affordable Land and Housing in Asia'. UNON, Publishing Services Section, Nairobi.

Pengangguran Belia di Malaysia: Perkembangan dan Pertimbangan Dasar

Oleh Dian Hikmah Mohd Ibrahim dan Mohd Zaidi Mahyuddin

Pengenalan

Selepas Krisis Kewangan Global, penduduk dunia terutamanya dari kalangan golongan muda telah menerima kesan yang negatif akibat kemelesetan yang teruk, persekitaran ekonomi yang lembap dan pemulihan yang perlahan serta pertambahan pekerjaan yang agak rendah[1]. Kadar pengangguran belia[2] global meningkat daripada 11.7%, iaitu kadar sebelum krisis pada tahun 2007, kepada 13.1% pada tahun 2009, hingga kadar tertinggi pernah dicapai iaitu 13.2% pada tahun 2013. Kadar ini dianggarkan kekal tinggi pada 13.1% pada tahun 2016. Kadar pengangguran belia adalah kira-kira tiga kali kadar pengangguran orang dewasa, dan lebih dua kali kadar pengangguran global. Angka-angka ini merangkumi lebih 70 juta anak muda di seluruh dunia yang menghadapi masalah untuk mendapatkan pekerjaan. Pertubuhan Buruh Antarabangsa (International Labour Organisation, ILO) melaporkan bahawa trend pengangguran belia akan meningkat lagi pada tahun 2017, khususnya dalam kalangan negara sedang pesat membangun, selepas pulih sedikit antara tahun 2012 hingga 2015. ILO juga merujuk kajian-kajian yang mendapati bahawa pengangguran belia pada usia muda mempunyai kesan negatif jangka panjang yang serius ke atas pendapatan dan risiko pengangguran pada masa hadapan, terutamanya bagi belia yang menjadi pengganggur sebaik sahaja memperoleh ijazah daripada universiti[3].

Rencana ini akan menerangkan keadaan pengangguran belia di Malaysia dan memberikan gambaran secara menyeluruh langkah-langkah segera dan jangka panjang untuk menangani isu ini. Bahagian I rencana ini membincangkan perkembangan pengangguran belia di Malaysia, khususnya yang berkaitan dengan pengangguran siswazah. Bahagian II akan menerangkan trend ini, dan Bahagian III memberikan beberapa cadangan dasar dengan mengambil pengajaran daripada kisah kejayaan negara lain.

Bahagian I: Keadaan Pengangguran Belia dan Kebimbangan yang Semakin Meningkat terhadap Pengangguran dalam Kalangan Siswazah di Malaysia

Belia di Malaysia tidak terkecuali daripada trend global ini

Kadar pengangguran belia di Malaysia dianggarkan telah mencecah 10.7% pada tahun 2015, tiga kali lebih tinggi daripada kadar pengangguran negara sebanyak 3.1%. Malaysia tergolong dalam kalangan ekonomi serantau[4] yang mengalami pengangguran belia pada kadar dua angka, meskipun kadar pengangguran keseluruhan adalah rendah (Rajah 1 dan 2).

Golongan belia merupakan lebih separuh daripada jumlah pekerja yang menganggur, meskipun hanya mewakili satu pertiga daripada jumlah tenaga kerja (Rajah 3). Pada tahun 2015, kadar pengangguran belia meningkat 1.2 mata peratusan daripada 9.5% kepada 10.7%, manakala kadar pengangguran negara hanya meningkat 0.2 mata peratusan (2.9% kepada 3.1%) dalam tempoh yang sama (Rajah 4). Pengangguran belia semakin meningkat dalam tempoh kebelakangan ini kerana kadar pengambilan pekerja yang menurun sejak akhir tahun 2014. Sentimen perniagaan yang berhati-hati dan prestasi ekonomi yang makin sederhana telah menghalang sektor perniagaan daripada menambah bilangan pekerja mereka. Golongan belia merupakan golongan yang paling mudah terjejas oleh trend ini; kumpulan ini mungkin merupakan kumpulan terakhir yang diambil bekerja tetapi yang pertama akan diberhentikan[5], disebabkan

---

[1] Scarpetta et. al 2010. Rising Youth Unemployment during the Crisis: How to Prevent Negative Long-term Consequences on a Generation?

[2] Dalam rencana ini, 'belia' merujuk penduduk, tenaga kerja dan pekerja yang bekerja serta menganggur yang berumur antara 15 hingga 24 tahun

[3] ILO 2016. World Employment and Social Outlook: Youth.

[4] Bagi ekonomi ASEAN, kadar pengangguran belia adalah sekitar 12.8% pada tahun 2013, secara kasarnya sama dengan purata global.

[5] OECD 2008. OECD Employment Outlook. Off to a Good Start? Youth Labour Market Transitions in OECD Countries.

kekurangan pengalaman, asimetri maklumat yang lebih tinggi tentang pasaran pekerja, dan kurangnya kemahiran berkomunikasi dengan majikan. Walaupun tumpuan media banyak difokuskan kepada kesukaran pekerja yang diberhentikan kerja, kesan pengambilan pekerja yang semakin perlahan mempunyai impak yang lebih luas kepada ekonomi, dan menjejaskan peluang mendapatkan pekerjaan terutamanya golongan belia dan pencari kerja baharu.

Rajah 1

Kadar Pengangguran Belia Rantau ini pada tahun 2015 (% tenaga kerja belia)



Rajah 2

Nisbah Kadar Pengangguran Belia kepada Kadar Pengangguran Negara tahun 2015 (kali)




Nota: Merujuk data 2013 untuk Indonesia dan Thailand, serta data 2014 untuk Vietnam. Data pengangguran untuk Singapura termasuk golongan berumur 25-29 tahun. Data pengangguran untuk Indonesia termasuk pencari kerja tidak aktif.

Sumber: Pertubuhan Buruh Antarabangsa dan anggaran Bank Negara Malaysia


Rajah 3

Kadar Pengangguran Mengikut Kumpulan Umur, 2015 ('000 orang)



Rajah 4

Kadar Pengangguran Lalu, 2000-2015 (% tenaga kerja mengikut kumpulan umur)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Kebolehgajian siswazah semakin membimbangkan di Malaysia dan beberapa negara serantau


Tenaga kerja belia lebih banyak terdiri daripada mereka yang mempunyai pencapaian pendidikan yang lebih rendah[6]. Bagi belia berumur 15-24 tahun, hanya 16% mencapai pendidikan tertiari, manakala baki 84% pencapaian pendidikan paling tinggi bagi mereka ialah peringkat menengah (Profil bagi keseluruhan tenaga kerja: Pendidikan tertiari: 28%; Rendah, menengah dan tiada pendidikan formal: 72%). Yang nyata, belia yang berpendidikan tertiari merupakan kumpulan yang lebih besar dalam kelompok belia yang menganggur (23% daripada jumlah keseluruhan belia yang menganggur, Rajah 5). Apa yang membimbangkan ialah kadar pengangguran dalam kalangan belia yang berpendidikan tinggi adalah lebih tinggi, pada 15.3%, berbanding

[6] Tenaga kerja dibahagikan kepada empat kategori utama berdasarkan pencapaian pendidikan: pendidikan rendah, pendidikan menengah, pendidikan tertiari, dan tiada pendidikan rasmi. Dalam rencana ini, pekerja berpendidikan tertiari juga digelar siswazah.

belia yang tidak berpendidikan tertiari iaitu 9.8%. (Rajah 6; Sila rujuk Rencana Maklumat 'Dapatan Utama daripada Laporan Kajian Pengesanan Siswazah 2015').


Rajah 5

Profil Tenaga Kerja Belia dan Kadar Pengangguran Belia Mengikut Tahap Pendidikan, 2015



Rajah 6

Kadar Pengangguran Mengikut Tahap Pendidikan, 2015




Sumber: Pertubuhan Buruh Antarabangsa, Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Yang penting, dalam kalangan ekonomi serantau, kadar pengangguran siswazah muda lebih tinggi berbanding dengan bukan siswazah (Rajah 7). Pemerhatian ini jelas berbeza daripada pemahaman ekonomi mengenai peningkatan pulangan pencapaian pendidikan, dan juga bertentangan dengan pengalaman ekonomi maju. Trend ini mungkin berkaitan dengan rantaian bekalan global dan corak pewujudan pekerjaan dalam ekonomi sedang pesat membangun, berbanding dengan ekonomi maju. Setakat ini, tidak banyak penyelidikan yang mendalam dijalankan terhadap faktor yang memacu trend perbandingan pengangguran belia siswazah dengan bukan siswazah dalam ekonomi maju berbanding ekonomi sedang pesat membangun. Perkembangan dalam pengangguran siswazah ini telah menimbulkan beberapa persoalan dasar yang utama berhubung dengan peningkatan kualiti dan kesesuaian sistem pendidikan sebagai persediaan untuk menghadapi industri yang semakin berubah, jenis pekerjaan yang diwujudkan dan kesediaan modal insan, serta langkah-langkah meningkatkan pemadanan dalam pasaran pekerja dan mengurangkan asimetri maklumat tentang keperluan kemahiran oleh industri.

Rajah 7

Perbandingan Kadar Pengangguran Belia Berdasarkan Tahap Pendidikan Mengikut Negara




Sumber: Pertubuhan Buruh Antarabangsa dan anggaran Bank Negara Malaysia

Dapatan Utama daripada Laporan Kajian Pengesanan Siswazah 2015

Kajian Pengesanan Siswazah oleh Kementerian Pendidikan Tinggi adalah bertujuan untuk memantau status siswazah lulusan institut pengajian tinggi enam bulan selepas mereka memperoleh ijazah sama ada graduan ini telah mula bekerja, melanjutkan pengajian atau masih mencari kerja. Pemerhatian dikumpul daripada siswazah universiti awam dan swasta, kolej universiti, politeknik, dan kolej komuniti. Daripada 273,373 siswazah pada tahun 2015, sebahagian besar mempunyai Ijazah Sarjana Muda (45%) dan Diploma (43%). Dalam kalangan semua siswazah, 53% dilaporkan telah mula bekerja, 18% memilih melanjutkan pengajian manakala 24% masih menganggur (Rajah 1). Pemegang Ijazah Sarjana Muda mencatat kadar pengangguran paling tinggi sebanyak 27.9% dalam kalangan siswazah dengan pelbagai kelayakan (Rajah 2). Dari segi bidang pengajian, siswazah dalam bidang *Sains, dan Kesusasteraan dan Sains Sosial* mempunyai kadar pengangguran yang lebih tinggi (Rajah 3). Dari segi pendapatan isi rumah, siswazah daripada isi rumah berpendapatan rendah juga mempunyai kadar pengangguran yang lebih tinggi. Pemerhatian ini nyata bagi semua kelayakan (Rajah 4). Bukti empirikal daripada kajian lain menunjukkan pelbagai sebab, termasuk kesediaan graduan untuk memasuki dunia pekerjaan, peluang pekerjaan yang tidak mencukupi bagi sesetengah bidang, dan implikasi berpanjangan latar belakang sosioekonomi kepada pembelajaran dan peningkatan sosial. Dari segi pendapatan, sejumlah 54% daripada siswazah memperoleh pendapatan kurang daripada RM2,000 sebulan. Gaji permulaan siswazah pada amnya kekal tidak berubah sejak tahun 2007 (Rajah 5 dan 6), meskipun ada sektor tertentu, iaitu industri perkhidmatan kewangan serta minyak dan gas, yang menawarkan gaji yang lebih tinggi pada peringkat kemasukan. Pemerhatian-pemerhatian ini mengundang persoalan lanjut bagi ahli akademik dan pembuat dasar. Penyelidikan yang lebih mendalam adalah wajar untuk mengenal pasti punca pemerhatian ini, dan seterusnya penggubalan tindak balas dasar yang sesuai.

Rajah 1

Graduan Mengikut Status Pekerjaan




*Nota: Termasuk graduan yang menunggu penempatan kerja dan menjalani latihan peningkatan kemahiran

Sumber: Kementerian Pendidikan Tinggi dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 2

Kadar Pengangguran Graduan, Mengikut Tahap Pengajian*




*Nota: Kadar pengangguran dinyatakan mengikut peratusan kategori kumpulan masing-masing

Sumber: Kementerian Pendidikan Tinggi dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 3

Kadar Pengangguran Mengikut Bidang Pengajian*




*Nota: Kadar pengangguran dinyatakan mengikut peratusan kategori kumpulan masing-masing

Sumber: Kementerian Pendidikan Tinggi dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 4

Kadar Pengangguran Graduan Mengikut Kumpulan Pendapatan Bulanan Keluarga*




*Nota: Kadar pengangguran dinyatakan mengikut peratusan kategori kumpulan masing-masing

Sumber: Kementerian Pendidikan Tinggi dan anggaran Bank Negara Malaysia

Lebih separuh daripada jumlah graduan mendapat gaji kurang daripada RM2,000 selepas tamat pengajian

Rajah 5

Taburan Bulanan Gaji Graduan




Sumber: Kementerian Pendidikan Tinggi dan anggaran Bank Negara Malaysia

Gaji permulaan graduan ijazah pertama kekal statik

Rajah 6

Pendapatan Bulanan Purata Berwajaran bagi Graduan Ijazah Pertama, 2007-2015



Sumber: Kementerian Pendidikan Tinggi dan anggaran Bank Negara Malaysia

Bahagian II: Faktor yang Menjadi Punca Pengangguran Belia dan Siswazah yang Tinggi

Ketidakpadanan dalam pasaran pekerja yang berpunca daripada pewujudan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi yang terhad dan bekalan siswazah yang sedia bekerja yang tidak mencukupi

Walaupun tahap pendidikan tenaga kerja semakin tinggi, peluang pekerjaan yang diwujudkan dalam ekonomi Malaysia masih tertumpu pada pekerjaan berkemahiran rendah dan sederhana[7] (Rajah 8). Ini kerana industri dalam negeri masih lagi dalam aktiviti nilai ditambah yang rendah, yang menekankan kecekapan kos dan pergantungan pada tenaga kerja yang murah, dan bukannya menggalakkan aktiviti inovasi sebagai sumber pertumbuhan. Ekonomi Malaysia juga terus berdepan cabaran untuk menarik pelaburan berkualiti tinggi yang boleh mewujudkan lebih banyak pekerjaan bergaji dan berkemahiran tinggi bagi tenaga kerja tempatan[8]. Sementara itu, syarikat-syarikat menyatakan bahawa kurangnya penawaran pekerja berkemahiran tinggi sebagai faktor utama yang menghalang mereka daripada membuat pelaburan dalam aktiviti berkualiti lebih tinggi dalam rantaian nilai[9]. Ketidakpadanan antara pencapaian pendidikan tenaga kerja dengan jenis pekerjaan yang diwujudkan, telah sedikit sebanyak menyebabkan kekurangan permintaan untuk siswazah baharu, seperti ditunjukkan oleh penawaran pekerjaan secara dalam talian (online) yang kekal lembap bagi jawatan peringkat kemasukan untuk siswazah sejak tahun 2012 (Rajah 9).


Pihak majikan terus membangkitkan isu kekurangan kemahiran yang ketara dalam kalangan pekerja baharu. Kaji selidik yang dijalankan Bank Dunia dan TalentCorp[10] mendapati bahawa 90% daripada syarikat percaya bahawa siswazah universiti sepatutnya menjalani lebih banyak latihan industri sebelum mendapat ijazah, dan 81% daripada syarikat yang dikaji menganggap kemahiran berkomunikasi sebagai kekurangan utama dalam kalangan siswazah. Kebimbangan tentang kebolehgajian dan keupayaan menyesuaikan diri siswazah sering

[7] Lim P.J. 2016. Malaysia's Labour Market and Job Creation under the Economic Transformation Plan (ETP) 2011 to 2015.
[8] Nixon et. al 2017. Fostering inclusive growth in Malaysia.
[9] OECD 2013. Investment Policy Review on Malaysia.
[10] World Bank 2014. Malaysian Economic Monitor. Boosting Trade Competitiveness.

dikaitkan dengan keadaan sistem pendidikan negara, dan sistem pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (*technical and vocational education and training,* TVET)[11]. Walau bagaimanapun, kurangnya penglibatan industri dalam pembangunan modal insan juga telah menyumbang kepada kekurangan program latihan yang benar-benar berkesan bagi pekerja. Kaji selidik TalentCorp yang sama mendapati 53% daripada syarikat tidak pernah menggunakan khidmat pusat kerjaya semasa mengambil pekerja. Oleh itu, walaupun golongan belia mungkin kurang mempunyai kemahiran yang diperlukan, program latihan yang berkesan dan berguna bagi mempersiapkan mereka untuk pekerjaan juga tidak disediakan (Rajah 10).

Rajah 8


Peningkatan Bersih Pekerjaan Mengikut Tahap Pendidikan dan Tahap Kemahiran, 2001-2015



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 9

Pekerjaan Baharu yang Diiklankan di JobStreet.com Mengikut Jawatan, 2012-2016



Sumber: JobStreet.com dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 10

Dapatan Kaji Selidik Bank Dunia dan TalentCorp

Syarikat berpendapat graduan baharu tidak bersedia untuk bekerja...	...bagaimanapun kerjasama antara syarikat dengan universiti adalah terhad
90% Syarikat berpendapat lebih banyak latihan praktikal perlu disediakan untuk graduan.	**50%** Syarikat tiada program latihan industri berstruktur
80% Syarikat berpendapat kurikulum universiti tidak mencerminkan realiti semasa.	**53%** Syarikat tidak pernah menggunakan khidmat pusat kerjaya
81% Syarikat menilai kemahiran komunikasi sebagai kekurangan utama dalam kalangan graduan.	**kurang daripada 10%** Syarikat berpengalaman membangunkan kurikulum ataupun program dengan universiti

vs.

Sumber: Kaji selidik Bank Dunia - TalentCorp mengenai Kebolehgajian Graduan

Bahagian III: Pelarasan dasar adalah perlu untuk memperlengkap generasi muda menghadapi cabaran masa hadapan

Pada peringkat global, masalah pengangguran belia bukan merupakan isu yang baharu. Walau bagaimanapun, perkembangan sosioekonomi kebelakangan ini telah memburukkan lagi keadaan tersebut. Pada masa depan, perkembangan berkembar pengangguran belia yang tinggi dan berterusan serta ketaksamaan pendapatan yang

[11] OECD 2013. Structural Policy Country Notes on Malaysia.

semakin meningkat mungkin mengekang mobiliti sosial dan membawa kepada rasa lebih tidak berpuas hati dalam kalangan masyarakat[12]. Di Malaysia, keadaan ini telah pun menyumbang kepada fenomena penghijrahan tenaga kerja mahir Malaysia ke negara maju dan negara jiran[13]. Jika keadaan ini dibiarkan, generasi belia yang tersisih dari segi ekonomi mungkin akan mendatangkan kesan rumit yang negatif dan meluas terhadap landskap ekonomi dan sosial. Dalam masa terdekat, golongan belia perlu menghadapi pengaturan ekonomi yang memerlukan mereka lebih berdikari, lebih-lebih lagi dengan penggantian pekerjaan (*job displacement*) dengan adanya kesalinghubungan yang lebih luas seiring dengan kemajuan teknologi yang pesat. Oleh itu, perumusan dasar hendaklah dijuruskan ke arah menyediakan generasi muda untuk berdepan dengan cabaran ini.

Pertama, usaha menangani punca masalah hendaklah dijadikan agenda tetap negara. Pendidikan berkualiti, termasuk sektor TVET yang berkesan, adalah penting dalam pembangunan modal insan. Matlamat ini ditekankan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2015-2025), yang menggariskan strategi wajar untuk mentransformasi sistem pendidikan negara, memperkasa institusi pengajian tinggi dengan autonomi dan tanggungjawab untuk melahirkan siswazah yang cekap teknologi dan serba boleh, serta menambah baik kualiti sektor TVET negara. Bagi belia khususnya, hasil penyelidikan menunjukkan bahawa akses kepada latihan vokasional yang lebih banyak, berkait rapat dengan kadar pengangguran belia yang lebih rendah[14]. Di Jerman, Sistem Dwilatihan Vokasional Teknikal (*Dual Vocational Technical Training System*) memadankan perantis daripada sekolah vokasional dengan syarikat untuk menggabungkan pengalaman pembelajaran berasaskan kerja bagi menyediakan mereka untuk alam pekerjaan. Sistem ini dikatakan sebagai penyumbang utama kepada kadar pengangguran belia di negara tersebut berada pada tahap yang rendah.

Kedua, usaha menggalakkan kolaborasi industri yang bermakna dalam pendidikan dan latihan adalah penting dalam pembangunan komuniti selain memupuk tenaga kerja yang bersemangat dan bertenaga untuk memenuhi keperluan industri kini dan akan datang. Platform yang dibiayai dengan baik dan berkesan diperlukan dalam usaha ke arah menawarkan latihan berkualiti tinggi dan menggalakkan pembangunan tenaga kerja. Platform sebegini merintis jalan kepada Kerajaan, industri dan sektor pendidikan serta latihan untuk (i) berunding dan membangunkan kurikulum dan latihan bagi memenuhi keperluan kemahiran industri, dan (ii) menyokong secara aktif pelaksanaan dan usaha peningkatan yang berterusan. Di Australia, Jawatankuasa Industri dan Kemahiran menjadi platform rasmi bagi pemimpin industri memainkan peranan aktif dalam hala tuju dasar dan proses membuat keputusan bagi sektor TVET. Ini termasuk perumusan pakej latihan yang berdasarkan maklumat berkaitan dengan jurang kemahiran pasaran pekerja dengan keperluan industri.

Ketiga, infrastruktur keselamatan sosial yang komprehensif perlu dibangunkan, termasuk mereka bentuk dasar pasaran pekerja yang aktif (*active labour market policies*, ALMP) yang khususnya menyasarkan golongan belia, serta pekerja yang dipindahkan atau digantikan. Objektif serampang dua mata ALMP adalah untuk (i) menambah peluang pekerjaan dan (ii) memperbaik padanan pekerja dengan pekerjaan. Walaupun masih pada peringkat awal, Malaysia menunjukkan peningkatan positif, dengan pengumuman Skim Insurans Pekerjaan (SIP), dalam Bajet 2015. SIP dijangka menjadi program yang holistik, dengan program ALMP sebagai ciri utamanya, termasuk perkhidmatan kaunseling kerjaya dan skim latihan. Pada peringkat global, tidak banyak ALMP yang disasarkan khusus untuk menambah baik kebolehgajian belia, walaupun golongan ini mudah terjejas apabila berlakunya kemerosotan dan krisis ekonomi. Namun, beberapa negara, terutamanya Sweden dan Finland, telah memperluas infrastruktur keselamatan sosial dengan menjalankan eksperimen menggunakan langkah dasar seperti Skim Jaminan Belia. Di bawah skim-skim tersebut, Perkhidmatan Pekerjaan Awam menyediakan penilaian keperluan peribadi dan pelan pekerjaan, dan menjamin penempatan tempat kerja kepada belia dengan memadankan mereka dengan pekerjaan, pengajian akademik atau vokasional, atau program latihan untuk meningkatkan kebolehgajian dan keusahawanan. Proses pemadanan kerja boleh terus dimudahkan oleh penggunaan teknologi, seperti yang ditunjukkan oleh penawaran kerja melalui aplikasi berasaskan telefon pintar dan laman sesawang yang popular seperti Switch dan LinkedIn, yang menjadi antara

[12] OECD 2011. Social Cohesion in Southeast Asia.
[13] World Bank 2011. Malaysian Economic Monitor. Brain Drain.
[14] Banerji et. al 2014. Youth Unemployment in Europe: Searching for Solutions.

saluran utama bagi pencari kerja untuk memaklumkan tentang kemahiran mereka kepada bakal majikan dan juga bagi majikan yang mencari pekerja[15].

Keempat, pelaksanaan berhemat pelbagai rangka tindakan dan program juga penting, bersama-sama struktur tadbir urus yang berfungsi dengan baik, pengawasan yang berkesan dan penambahbaikan inisiatif secara aktif. Satu bahagian penting daripada persoalan itu ialah maklumat dan statistik yang diyakini tentang kemajuan program, skim dan bantuan latihan tertentu serta prestasi institusi pendidikan dan latihan. Pada masa ini, kurangnya statistik pasaran pekerja, terutamanya pewujudan pekerjaan, pusing ganti pekerja dan trend pengambilan pekerja merupakan cabaran yang besar kepada pembuat dasar. Untuk mencapai matlamat ini, Kerajaan sedar akan perlunya mewujudkan Biro Statistik Pasaran Pekerja Malaysia[16] yang akan banyak membantu memastikan pembangunan penunjuk yang lebih kerap dan diyakini tentang trend pasaran pekerja dan makroekonomi. Hal ini penting bagi perancangan dan pemantauan kemajuan pembangunan modal insan dan dasar pasaran pekerja bagi memudahkan proses merumuskan dasar yang responsif, berdasarkan kajian dan tepat pada masanya.

Akhirnya, dan dalam lingkungan jangka masa lebih panjang, dasar untuk menangani isu pengangguran belia perlu dikaji semula dari semasa ke semasa. Dasar berkaitan isu ini hendaklah fleksibel dan pantas serta responsif terhadap pasaran pekerja akan datang yang sedang berkembang pesat. Ini termasuk dasar dan program khusus untuk memupuk budaya keusahawanan dan inovasi, menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat serta menambah baik kesesuaian tenaga kerja dengan perubahan arus industri. Pelan Transformasi Nasional 2050 (TN50) yang diumumkan baru-baru ini melakarkan hala tuju negara untuk 30 tahun akan datang selepas tahun 2020, dan menetapkan visi baharu buat negara, dengan tumpuan pada aspirasi belia.

[15] Thomas 2016. Huffington Post. 2016 Best Career Apps and Websites to Land Your Dream Job.
[16] Kementerian Kewangan Malaysia 2016. Touch Points bagi Bajet 2017.

Rujukan

Banerji, A., S. Saksonovs, H. Lin, and R. Blavy. 2014, 'Youth Unemployment in Advanced Economies in Europe: Searching for Solutions.' IMF Staff Discussion Note, Washington DC.

Kementerian Kewangan Malaysia 2016. Touch Points on the 2017 Budget. https://www.pmo.gov.my/bajet2017/TouchPointsBudget2017.pdf. Accessed January 2017.

Lim, P. J. 2016, 'Malaysia's Labour Market and Job Creation under the Economic Transformation Plan (ETP) 2011 to 2015.' Penang Institute Research Paper, Penang.

Nixon, S. Asada, H., and Koen, V. 2017, 'Fostering Inclusive Growth in Malaysia.' OECD Economics Department Working Papers, No. 1371, Paris: Organization for Economic Cooperation and Development.

Organization for Economic Cooperation and Development (OECD) 2008. 'Off to a Good Start? Youth Labour Market Transitions in OECD Countries.' OECD Employment Outlook, Paris: Organization for Economic Cooperation and Development.

_____2011. 'Social Cohesion in Southeast Asia.' Document from Seminar co-organised by the OECD Development Centre, the Ministry of Foreign Affairs of Thailand, King Prajadhipok's Institute and the Office of the National Economic and Social Development Board of Thailand. https://www.oecd.org/dev/48923362.pdf. Accessed January 2017.

_____2013. 'Structural Policy Challenges for Southeast Asian Countries: Malaysia.' OECD Southeast Asian Economic Outlook 2013: With Perspecctives on China and India, Paris: Organization for Economic Cooperation and Development.

_____2013. Investment Policy Reviews: Malaysia. Paris: Organization for Economic Cooperation and Development.

_____ 2016. World Employment and Social Outlook: Youth. Paris: Organization for Economic Cooperation and Development.

Scarpetta, S., Sonnet A., and Manfredi T. 2010. 'Rising Youth Unemployment during the Crisis: How to Prevent Negative Long-term Consequences on a Generation?' OECD Social, Employment and Migration Papers, No. 106, Paris: Organization for Economic Cooperation and Development.

Thomas, S. '2016 Best Career Apps and Websites to Land Your Dream Job.' Huffington Post. http://www.huffingtonpost.com/sherri-thomas/2016-best-career-apps-and_b_9125474.html. Accessed February 2017.

World Bank (WB) 2011. 'Brain Drain.' Malaysian Economic Monitor, Bangkok: World Bank Office.

_____2014. 'Boosting Trade Competitiveness.' Malaysian Economic Monitor, Bangkok: World Bank Office.